

Bil. S 26

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Naskhah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.
4. Pengecualian hak mutlak.

BAHAGIAN II

KESAN KETIDAKPATUHAN

5. Ketidakpatuhan.
6. Permohonan mengenyepikan kerana luar aturan.

BAHAGIAN III

CARA MEMULAKAN PROSIDING

Penggal I

Am

7. Tajuk am.
8. Cara memulakan prosiding.

Penggal II

Saman

9. Bentuk saman.
10. Salinan saman.
11. Pengeluaran dan penyampaian saman.
12. Kesahan dan perlanjutan saman.
13. Kehilangan saman.

Penggal III

Permohonan

14. Cara untuk permohonan.
15. Pemakaian bab-bab 10, 11, 12 dan 13.
16. Permohonan perceraian.

Penggal IV

Tuntutan Permohonan atau Pembelaan Secara Lisan

17. Tuntutan permohonan atau pembelaan secara lisan.

BAHAGIAN IV

PIHAK-PIHAK

Penggal V

Am

18. Tafsiran.
19. Percantuman pihak-pihak.
20. Penukaran pihak-pihak.
21. Ketidacantuman pihak-pihak.

22. Pindaan dan penyampaian.
23. Pemberhentian tindakan.
24. Penurunan kepentingan.

Penggal VI

Orang Yang Tidak Berkeupayaan

25. Orang yang tidak berkeupayaan.
26. Persetujuan atau pengetepian oleh penjaga.
27. Peruntukan am mengenai orang yang tidak berkeupayaan.
28. Kesan ketidakpatuhan.
29. Penggantian penjaga *ad litem*.
30. Plaintif belum dewasa mencapai umur dewasa.
31. Defendan belum dewasa mencapai umur dewasa.

Penggal VII

Orang Miskin

32. Permohonan menuntut atau membela sebagai orang miskin.
33. Orang miskin tidak boleh memberhenti dan sebagainya tanpa kebenaran Mahkamah.
34. Kos.

BAHAGIAN V

PEGUAM SYAR'IE

35. *Wakalah* perlantikan.
36. Penyampaian kepada Peguam Syar'ie.
37. Penukaran Peguam Syar'ie.

38. Pelepasan Peguam Syar'ie.
39. Pelepasan atas permohonan Peguam Syar'ie.
40. Kematian.

BAHAGIAN VI

PENYAMPAIAN

Penggal VIII

Penyampaian Dalam Bidang Kuasa

41. Alamat penyampaian.
42. Cara penyampaian.
43. Keengganan menerima penyampaian.
44. Penyampaian kepada Peguam Syar'ie.
45. Penyampaian di alamat penyampaian.
46. Tarikh kehadiran bagi saman.
47. Tempat dan masa.
48. Kes khas.
49. Penyampaian ganti.
50. Bukti penyampaian.
51. Perubahan perintah bagi penyampaian.
52. Pengeluaran waran tangkap sebagai ganti atau sebagai penambahan kepada saman.

Penggal IX

Penyampaian Di Luar Bidang Kuasa

53. Bila dibenarkan.

54. Bentuk perintah dan mengubah perintah.

BAHAGIAN VII

INTERPLIDER

55. Hak mendapat relief dengan cara interplider.
56. Tuntutan mendapatkan wang, barang dan sebagainya yang diambil dalam pelaksanaan.
57. Cara membuat permohonan.
58. Penyampaian saman.
59. Kuasa Mahkamah mendengar saman.
60. Perintah kos dan lain-lain.
61. Perbicaraan isu interplider.

BAHAGIAN VIII

PLIDING

62. Pernyataan tuntutan.
63. Pembelaan.
64. Bentuk pembelaan.
65. Tuntutan balas.
66. Pembelaan kepada tuntutan balas.
67. Pembelaan tawaran.
68. Jawapan.
69. Pengembalian pliding dan pindaan.
70. Butir-butir.

BAHAGIAN IX

PEMBAYARAN KE DALAM DAN DARIPADA MAHKAMAH

71. Pembayaran ke dalam Mahkamah.
72. Pembayaran daripada Mahkamah.
73. Pembayaran sebahagian.
74. Perintah pembayaran daripada Mahkamah.
75. Kos kepada defendan.
76. Relief lain.
77. Tawaran dan kos.
78. Tuntutan balas.

BAHAGIAN X

PINDAAN

79. Pindaan saman atau pliding.
80. Pindaan kepada permohonan.
81. Prosiding cacat.
82. Cara pindaan.
83. Peninggalan.

BAHAGIAN XI

PENZAHIRAN

84. Penzahiran dokumen dan fakta.
85. Pemeriksaan dokumen.
86. Dokumen terlindung.
87. Tiada rayuan terhadap perintah.

BAHAGIAN XII

PEMINDAHAN PROSIDING

88. Pemindahan prosiding kepada Mahkamah lain.
89. Prosedur.
90. Kos mengenai pemindahan.
91. Pemindahan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.
92. Pemindahan daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

BAHAGIAN XIII

PENYELESAIAN, PENARIKAN BALIK DAN PEMBERHENTIAN

93. Penyelesaian.
94. Penarikan balik.
95. Kesan daripada penarikan balik.
96. Penggantungan.
97. Penarikan balik pembelaan.
98. *Sulh*.

BAHAGIAN XIV

KETERANGAN

Penggal X

Am

99. Keterangan hendaklah diambil secara lisan.
100. Keterangan melalui afdavit.

Penggal XI

Sepina

101. Permintaan bagi sepina.
102. Bilangan orang dalam sepina.
103. Sepina untuk mengemukakan dokumen atau benda.
104. Meminda sepina.
105. Penyampaian sepina.
106. Jangka masa sepina.
107. Rekod Mahkamah.
108. Kehadiran orang dalam tahanan sebagai saksi atau pihak.
109. Kehadiran saksi.
110. Kegagalan menghadiri.
111. Penghinaan Mahkamah.
112. Hadirin.
113. Penawaran perbelanjaan.
114. Afidavit penyampaian sepina.

Penggal XII

Afidavit

115. Membuat afidavit.
116. Bentuk afidavit.
117. Lampiran pada afidavit.
118. Penolakan afidavit.
119. Pindaan.

120. Memfailkan affidavit.

121. Pemeriksaan balas.

BAHAGIAN XV

PERBICARAAN

122. Pendengaran dalam Mahkamah terbuka.

123. Kehadiran.

124. Ketidakhadiran pihak-pihak.

125. Tuntutan balas.

126. Tolak kira.

127. Nota keterangan.

128. Dokumen atau eksibit.

129. Susunan ucapan.

130. Kuasa Mahkamah.

131. Sambung bicara oleh Hakim lain.

132. Penangguhan dan pemindahan perbicaraan.

BAHAGIAN XVI

PENGHAKIMAN DAN PERINTAH

133. Penghakiman.

134. Penghakiman persetujuan.

135. Penentuan terma penghakiman atau perintah.

136. Bila ansuran kena dibayar.

137. Perintah secara ansuran.

138. Penyampaian perintah.

- 139. Tarikh penghakiman atau perintah.
- 140. Penghakiman harta alih.

BAHAGIAN XVII

RAYUAN

- 141. Tafsiran.
- 142. Notis rayuan.
- 143. Notis rayuan balas.
- 144. Alasan rayuan.
- 145. Rekod rayuan.
- 146. Permohonan penggantungan pelaksanaan.
- 147. Alasan penghakiman secara bertulis.
- 148. Pelaksanaan selepas rayuan.

BAHAGIAN XVIII

PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

Penggal XIII

Am

- 149. Kewajipan mematuhi.

Penggal XIV

Penguatkuasaan

- 150. Cara penguatkuasaan.
- 151. Penguatkuasaan penghakiman bagi pemilikan harta tak alih.
- 152. Penguatkuasaan penghakiman bagi penghantarserahan harta alih.

153. Penguatkuasaan penghakiman untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan.
154. Kuasa Mahkamah menetapkan masa.
155. Pelaksanaan oleh atau terhadap orang yang bukan pihak.

Penggal XV

Pelaksanaan

156. Tafsiran.
157. Kebenaran Mahkamah untuk pelaksanaan.
158. Pengeluaran perintah pelaksanaan atau notis garnisi.
159. Pengesahan masa penerimaan.
160. Perbelanjaan pelaksanaan dilevi.
161. Penunaian.
162. Jenis pelaksanaan.
163. Penyitaan dan penjualan.
164. Garnisemen.
165. Wang dan harta dalam Mahkamah.
166. Penyitaan dan penghantarserahan.
167. Deposit perbelanjaan.
168. Pecah masuk dengan kebenaran Mahkamah.
169. Resit dan akaun.
170. Penggunaan hasil jualan.
171. Perbelanjaan.
172. Penyata perintah pelaksanaan.
173. Senarai inventori.

174. Arahan tentang pelaksanaan tugas bailif.
175. Penyampaian kepada bailif.
176. Pembayaran daripada Mahkamah.
177. Penjualan.

Penggal XVI

Peruntukan-Peruntukan Khas Saman *Madin* Penghakiman

178. Pemakaian.
179. Permohonan bagi mendapatkan saman *madin* penghakiman.
180. Pengeluaran saman *madin* penghakiman.
181. Pemeriksaan *madin* penghakiman.
182. Permohonan notis penghakiman.
183. Pengeluaran notis penghakiman.
184. Perbicaraan notis penghakiman.
185. Perintah pengkomitan.
186. Pembayaran oleh *madin* penghakiman.
187. Perakuan penunaian hutang.
188. Tarikh perintah pengkomitan.

BAHAGIAN XIX

PEMBAHAGIAN MENGIKUT KADAR

189. Hasil jualan dibahagikan mengikut kadar kepada semua *da'in* penghakiman.

BAHAGIAN XX

PROSIDING INTERLOKUTORI DAN PERINTAH INTERIM

Penggal XVII

Prosiding Interlokutori

190. Cara membuat permohonan.
191. Notis permohonan hendaklah difaalkan.
192. Penyampaian permohonan.
193. Afidavit.
194. Salinan dokumen.
195. Penangguhan.
196. Ketidakhadiran pihak-pihak.
197. Perintah *ex-parte* boleh diketepikan.
198. Permohonan dalam prosiding secara lisan.

Penggal XVIII

Perintah Interim dan Lain-lain

199. Kuasa Mahkamah untuk memberikan perintah interim.
200. Perintah penahanan, penjagaan atau pemeliharaan.
201. Injunksi.
202. Perintah interim *hadhanah*.
203. Perintah interim nafkah.
204. Perintah pengambilan sampel dan sebagainya.
205. Jualan harta dalam pertikaian.
206. Perintah bagi perbicaraan awal.

- 207. Mendapatkan kembali harta alih yang tertakluk kepada *lien* dan sebagainya.
- 208. Perintah pembayaran pendapatan daripada harta atau serahan harta alih.

BAHAGIAN XXI

KUASA HAKIM DAN PENDAFTAR

- 209. Kuasa Pendaftar.
- 210. Kuasa Hakim.
- 211. Rayuan terhadap perintah Pendaftar.

BAHAGIAN XXII

BAYARAN MAHKAMAH, KOS DAN ELAUN

- 212. Bayaran Mahkamah.
- 213. Kos.
- 214. Taksiran kos.
- 215. Elaun saksi.
- 216. Elaun dan bayaran saksi pakar.
- 217. Elaun sara hidup, perjalanan dan penginapan.
- 218. Kehadiran melebihi satu prosiding.
- 219. Saksi hadir dan tidak memberi keterangan.

BAHAGIAN XXIII

PENGHINAAN MAHKAMAH

- 220. Notis tunjuk sebab.
- 221. Penghinaan oleh pertubuhan perbadanan.

BAHAGIAN XXIV

PELBAGAI

222. Bahasa.
223. Borang.
224. Salinan diperakui.
225. Bayaran deposit dan perbelanjaan.
226. Larangan ke atas pegawai Mahkamah.
227. Memberi jaminan.
228. Kumpulanwang dan harta lain yang tidak dituntut.
229. Melanjutkan atau memendekkan masa.
230. Perintah untuk hadir sendiri.
231. Penyampaian oleh Mahkamah lain.
232. Mengambil keterangan sebelum perbicaraan.
233. Catatan keterangan oleh Mahkamah lain atas permintaan bertulis.
234. Kuasa sedia ada Mahkamah.
235. *Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan.
236. Kuasa-kuasa membuat aturan-aturan dan merangka borang-borang.
237. Pengeanaan sementara ke atas kes-kes yang belum diputuskan.
238. Pindaan kepada Penggal 77.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

(2) Gelaran panjang Perintah adalah "Suatu Perintah berkenaan dengan Undang-Undang Acara Mal untuk Mahkamah-Mahkamah Syariah".

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Akta" bermakna Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggag 77);

"bailif" termasuklah Pendaftar atau mana-mana pegawai Mahkamah yang dipertanggungkan bagi melaksanakan tugas-tugas bailif;

"*bermastautin*" bermakna tinggal tetap atau lazimnya tinggal dalam sesuatu kawasan yang tertentu;

"*bermukim*" bermakna tinggal di suatu tempat dengan tiada berniat untuk *bermastautin* sedangkan ia bukan juga seorang musafir;

"borang" bermakna borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan borang yang dirujuk dengan suatu nombor tertinya borang yang dinomborkan sedemikian itu dalam Jadual tersebut;

"*da'in* penghakiman" bermakna orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman untuk pembayaran wang sama ada secara ansuran atau selainnya;

"Hakim Mahkamah Rayuan Syariah" bermakna Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah bab 9(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Penggagal 184);

"Hakim Mahkamah Rendah Syariah" bermakna Hakim Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah bab 11 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Penggagal 184);

"Hakim Mahkamah Tinggi Syariah" bermakna Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang dilantik di bawah bab 10(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Penggagal 184);

"Hakim Syar'ie" atau "Hakim" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Penggagal 184) dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie;

"harta" bermakna harta alih atau tak alih dan termasuklah harta intelektual;

"*Hukum Syara'*" bermakna hukum-hukum *syara'* menurut mana-mana *mazhab* yang sah pada pendapat Mahkamah;

"*lien*" bermakna hak ke atas harta *madin* penghakiman setakat jumlah yang terhutang;

"*madin* penghakiman" bermakna orang yang bertanggung di bawah sesuatu penghakiman bagi pembayaran wang;

"Mahkamah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Penggagal 184);

"Majlis" bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggagal 77);

"notis" maknanya notis bertulis melainkan dalam apa-apa hal diperintahkan selainnya oleh Mahkamah;

"orang belum dewasa" bermakna orang yang belum mencapai umur 18 tahun *qamariah*;

"orang tidak siuman" bermakna orang tidak siuman mengikut *Hukum Syara'* atau mengikut Akta Gila, (Panggal 48);

"orang yang tidak berkeupayaan" termasuklah orang belum dewasa, orang tidak siuman dan orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya;

"Peguan Syar'ie" bermakna seseorang yang diterima sebagai Peguan Syar'ie di bawah bab 27(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Panggal 184);

"Pendaftar" atau "Pendaftar Mahkamah Syariah" bermakna Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Timbalan Pendaftar dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik di bawah bab 13 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, (Panggal 184);

"penghakiman" termasuklah alasan-alasan penghakimannya;

"terjemahan diperakui" bermakna terjemahan sesuatu dokumen yang diperakui betul oleh Pendaftar Mahkamah atau oleh mana-mana orang lain yang boleh diterima oleh Mahkamah.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Perintah ini dan yang tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Panggal 4), hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadanya setakat yang ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada bentuk skrip bahasa Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan berseparang dengannya dalam Jadual itu.

(4) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meminda, memotong daripada atau menambah kepada Jadual Pertama.

Naskhah dalam bahasa Melayu adalah terpakai.

3. Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak sesuatu peruntukan di bawah Perintah ini, naskhah bahasa Melayu adalah terpakai.

Pengecualian hak mutlak.

4. Tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam Perintah ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak mutlak dan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Ketua Ugama bagi Negara Brunei Darussalam.

BAHAGIAN II

KESAN KETIDAKPATUHAN

Ketidakpatuhan.

5. Ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan Perintah ini tidak boleh membatalkan prosiding, mana-mana langkah yang diambil di dalam prosiding atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah melainkan jika diperintahkan sedemikian oleh Mahkamah, tetapi Mahkamah boleh —

(b) atas kehendaknya; atau

(c) atas permohonan mana-mana pihak,

mengenepikan keseluruhan atau sebahagian mana-mana prosiding itu di mana ketidakpatuhan berlaku, mana-mana langkah yang diambil dalam mana-mana peringkat prosiding atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah, atau mengarahkan apa-apa pindaan untuk dibuat atau membuat sebarang perintah yang adil.

Permohonan mengenepikan kerana luar aturan.

6. Suatu permohonan untuk mengenepikan apa-apa prosiding, apa-apa langkah yang diambil dalam mana-mana peringkat prosiding atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah di dalamnya kerana luar aturan tidaklah boleh dibenarkan melainkan permohonan itu dibuat dalam masa yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru selepas menyedari luar aturan itu.

BAHAGIAN III

CARA MEMULAKAN PROSIDING

Penggal I

Am

Tajuk am.

7. Tiap-tiap dokumen yang difailkan di Mahkamah hendaklah mempunyai tajuk am seperti dalam Borang MS 1.

Cara memulakan prosiding.

8. (1) Tertakluk kepada cerai (2) atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap prosiding *mal* dalam Mahkamah hendaklah dimulakan dengan saman.

(2) Semua prosiding mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah dimulakan dengan permohonan.

Penggal II

Saman

Bentuk saman.

9. Tiap-tiap saman —

(a) hendaklah dalam Borang MS 2; dan

(b) hendaklah disertakan dengan pernyataan tuntutan yang mematuhi kehendak-kehendak bab 62.

Salinan saman.

10. Tiap-tiap saman terhadap seorang defendan hendaklah difailkan dalam 3 salinan dan satu salinan tambahan hendaklah difailkan bagi tiap-tiap defendan tambahan.

Pengeluaran dan penyampaian saman.

11. (1) Pendaftar hendaklah memeriksa tiap-tiap saman, dan jika —

(a) saman itu sempurna bentuknya; dan

(b) plaintif telah menjelaskan bayaran yang ditetapkan oleh aturan (termasuk bayaran untuk penyampaian jika dikehendaki supaya penyampaian dibuat oleh Mahkamah),

Pendaftar hendaklah memberikan suatu nombor bersiri baginya, memeteraikan, menandatangani dan mengeluarkannya.

(2) Jika Pendaftar berpendapat bahawa saman itu tidak sempurna bentuknya dia boleh menolaknya atau mengarahkan supaya saman itu dipinda.

Kesahan dan perlanjutan saman.

12. (1) Bagi maksud penyampaian, saman adalah sah pada mulanya selama 12 bulan, bermula dari tarikh pengeluarannya.

(2) Jika saman belum lagi disampaikan kepada defendan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah cerai (1), suatu permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah sebelum tamat tempoh itu atau pada bila-bila masa selepas itu, jika ada, sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah untuk melanjutkan kesahan saman itu.

(3) Mahkamah boleh melalui perintah melanjutkan kesahan suatu saman selama apa-apa tempoh tidak melebihi 12 bulan pada mana-mana satu masa dan bermula sehari selepas tamat tempoh asal saman itu.

Kehilangan saman.

13. Jika suatu saman hilang selepas dikeluarkan, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dikeluarkan saman baru yang mengandungi tarikh dan mempunyai kesan yang sama seperti saman asal.

Penggal III

Permohonan

Cara untuk permohonan.

14. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini, tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat dengan cara notis dalam Borang MS 3 dan disokong dengan affidavit.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi tajuk yang sesuai.

(3) Suatu permohonan hendaklah menyatakan dengan sepenuhnya jenis perintah yang dipohon, dan mengandungi fakta yang cukup terperinci untuk menyokong permohonan itu, dan kecuali jika Mahkamah memerintahkan sebaliknya, permohonan itu hendaklah disampaikan kepada semua pihak dan orang yang berkepentingan di dalamnya.

(4) Dalam tiap-tiap permohonan, penentang hendaklah disebut sebagai responden.

Pemakaian bab-bab 10, 11, 12 dan 13.

15. Bab-Bab 10, 11, 12 dan 13 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berhubung dengan suatu permohonan sebagaimana ia terpakai bagi saman.

Permohonan perceraian.

16. Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam Penggal ini, suatu permohonan mengenai pembubaran perkahwinan hendaklah dibuat mengikut Bahagian V, Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 dan prosiding lanjut mengenainya hendaklah dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Penggal IV

Tuntutan Permohonan atau Pembelaan Secara Lisan

Tuntutan permohonan atau pembelaan secara lisan.

17. (1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perintah ini, Mahkamah boleh, menurut budibicaranya, membenarkan apa-apa tuntutan, permohonan dimulakan atau pembelaan dibuat secara lisan:

Dengan syarat bahawa dalam hal sedemikian, Mahkamah hendaklah mencatatkan butir-butir tuntutan, permohonan atau pembelaan itu dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan Perintah ini berhubung dengan saman atau permohonan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mahkamah hendaklah menyerahkan satu salinan catatan yang dibuat di bawah cerai (1) kepada pihak yang baginya dengannya butir-butir tuntutan, permohonan atau pembelaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dicatatkan.

(3) Apabila diterima catatan yang disebut dalam cerai (2), pihak yang kepadanya catatan itu disampaikan hendaklah —

(a) memperakui butir-butir yang terkandung di dalamnya dengan menurunkan tandatangannya atau cap jari dalam catatan tersebut;

(b) menyediakan salinan catatan yang mencukupi supaya satu salinannya boleh disampaikan kepada semua pihak dalam prosiding; dan

(c) menyampaikan satu salinan catatan kepada semua pihak sekurang-kurangnya 14 hari sebelum ditetapkan tarikh untuk perbicaraan tindakan itu.

(4) Jika Mahkamah membenarkan tuntutan, permohonan atau pembelaan dibuat mengikut cerai (1), ia hendaklah mengenakan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh aturan.

BAHAGIAN IV

PIHAK-PIHAK

Penggal V

Am

Tafsiran.

18. Dalam Bahagian ini, "plaintif" termasuklah pemohon dan "defendan" termasuklah responden.

Percantuman pihak-pihak.

19. (1) Dua orang atau lebih boleh dicantumkan sekali dalam satu tindakan sebagai plaintif atau defendan dengan kebenaran Mahkamah atau jika —

(a) tindakan-tindakan yang berasingan dibawa oleh atau terhadap setiap seorang daripada mereka mengikut mana-mana yang berkenaan, beberapa soalan undang-undang atau fakta yang sama akan berbangkit dalam kesemua tindakan itu; dan

(b) hak mendapatkan relief yang dituntut dalam tindakan itu sama ada bersama, berasingan atau alternatif adalah berkenaan dengan atau berbangkit daripada transaksi atau siri transaksi yang sama.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan cerai (1), jika Mahkamah mendapati bahawa mana-mana cantuman boleh menyusahkan defendan atau melengahkan perbicaraan atau menyulitkan, Mahkamah boleh atas usulnya atau atas permohonan defendan memerintahkan perbicaraan berasingan atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.

(3) Penghakiman boleh diberi tanpa apa-apa pindaan untuk mana-mana plaintif bagi relief yang dia berhak atau terhadap satu defendan atau lebih mengikut tanggungan mereka masing-masing.

Penukaran pihak-pihak.

20. (1) Tertakluk kepada cerai (2), Mahkamah atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak pada mana-mana peringkat prosiding boleh mengeluarkan, menggantikan atau menambah mana-mana pihak mengikut apa-apa cara dan dengan apa-apa terma yang adil dan sesuai.

(2) Tiada seorang pun boleh dijadikan plaintif dengan tiada izinnya atau jika dia orang yang tidak berkeupayaan, dengan tiada izin wakil atau penjaga *ad litem*nya yang hendaklah ditandakan secara bertulis atau mengikut apa-apa cara yang lain yang dibenarkan.

Ketidacantuman pihak-pihak.

21. Pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara, Mahkamah boleh atas apa-apa terma yang difikirkannya adil dan sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan —

(a) memerintahkan mana-mana orang yang telah dijadikan satu pihak dengan tidak patut atau tidak perlu atau yang kerana apa-apa jua sebab telah terhenti menjadi pihak patut atau perlu, supaya berhenti menjadi satu pihak;

(b) memerintahkan mana-mana orang yang berikut supaya ditambahkan sebagai satu pihak iaitu —

- (i) mana-mana orang yang sepatutnya telah dicantumkan sebagai satu pihak atau yang kehadirannya di hadapan Mahkamah adalah perlu untuk memastikan bahawa segala perkara yang dipertikaikan dalam kausa atau perkara itu boleh diputuskan dan dihakamkan dengan berkesan dan selengkapnya; atau
- (ii) mana-mana orang yang di antara mereka dengan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara mungkin wujud soalan atau isu yang berbangkit daripada atau berhubung dengan atau berkaitan dengan apa-apa relief atau remedi yang dituntut dalam kausa atau perkara yang pada pendapat Mahkamah adalah adil dan sesuai diputuskan di antara dia dengan pihak itu dan juga di antara pihak-pihak dalam kausa atau perkara itu,

tetapi tiada seorang pun boleh ditambahkan sebagai plaintif tanpa persetujuannya yang ditandakan secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dibenarkan.

Pindaan dan penyampaian.

22. (1) Jika berlaku pertukaran pihak semasa mana-mana prosiding belum selesai —

(a) tajuk prosiding hendaklah dipinda sewajarnya; dan

(b) mana-mana orang yang ditambahkan atau digantikan sebagai defendan hendaklah disampaikan kepadanya semua dokumen prosiding melainkan dia bersetuju penyampaian itu adalah tidak perlu.

(2) Prosiding terhadap orang yang disebut dalam perenggan (b) cerai (1) hendaklah disifatkan telah dimulakan mulai tarikh penyampaian atau persetujuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemberhentian tindakan.

23. Apabila berlaku pernikahan, kematian atau kebangkrapan mana-mana pihak dalam sesuatu kausa atau perkara —

(a) jika kausa tindakan luput mengikut *Hukum Syara'*, prosiding itu hendaklah terhenti kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (c);

(b) jika kausa tindakan berterusan mengikut *Hukum Syara'*, prosiding itu tidaklah terhenti atau menjadi cacat; atau

(c) dalam hal kematian selepas perbicaraan tetapi sebelum penghakiman diberi, prosiding itu tidaklah terhenti dan penghakiman boleh diberi.

Penurunan kepentingan.

24. (1) Dalam hal mana-mana penyerahan hak, perwujudan, penukaran, pemindahan atau penurunan kepentingan, estet, hakmilik atau tanggungan mana-mana pihak, di antara permulaan mana-mana prosiding dan penghakiman di dalamnya, orang yang kepadanya kepentingan, estet, hakmilik atau tanggungan telah diberi atau diturunkan boleh memohon supaya dia ditambahkan atau dijadikan ganti sebagai satu pihak, dan plaintif boleh dengan cara yang sama memohon untuk ditambah atau digantikan sedemikian, jika pihak berkenaan adalah defendan.

(2) Notis mana-mana permohonan di bawah cerai (1), hendaklah disampaikan kepada semua pihak.

(3) Apabila sesuatu permohonan patut dibuat di bawah cerai (1) dan tidak dibuat dalam tempoh masa yang munasabah, Mahkamah boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan pihak atau orang berkenaan supaya membuat permohonan dalam suatu masa tertentu, dan jika berlaku keingkaran boleh membatalkan atau menolak prosiding itu atau memerintahkan supaya pihak atau orang berkenaan itu ditegah daripada membela, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Apabila mana-mana perkara yang disebut di dalam cerai (1) telah berlaku selepas penghakiman dan wang berada di dalam Mahkamah bagi kepentingan prosiding, Mahkamah boleh memerintahkan supaya permohonan untuk suatu perintah bagi pembayaran keluar disampaikan kepada mana-mana orang.

Penggal VI

Orang Yang Tidak Berkeupayaan

Orang yang tidak berkeupayaan.

25. Mana-mana orang yang tidak berkeupayaan boleh menuntut atau dituntut melalui penjaga *ad litemnya*.

Persetujuan atau pengetepian oleh penjaga.

26. Apa-apa persetujuan yang diberi atau pengetepian yang dibuat dengan kelulusan Mahkamah bagi pihak orang yang tidak berkeupayaan oleh penjaga *ad litem* hendaklah mengikat orang yang tidak berkeupayaan itu.

Peruntukan am mengenai orang yang tidak berkeupayaan.

27. Jika plaintif adalah orang yang tidak berkeupayaan —

(a) tiada persetujuan atau penyelesaian menjadi sah kecuali dengan izin Mahkamah; dan

(b) semua wang atau harta yang diperolehi untuk plaintif akibat daripada prosiding itu hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah atau didepositkan di Mahkamah, melainkan Mahkamah memerintahkan selainnya.

Kesan ketidakpatuhan.

28. Apa-apa prosiding yang diambil oleh atau terhadap orang yang tidak berkeupayaan yang tidak menurut Perintah ini atau *Hukum Syara'*, hendaklah dibatalkan dan apa-apa penghakiman atau perintah yang dibuat di dalamnya boleh diketepikan.

Penggantian penjaga *ad litem*.

29. (1) Mahkamah boleh dengan alasan yang cukup mengikut *Hukum Syara'* menggantikan penjaga *ad litem* dengan orang lain yang difikirkannya layak dan berkesanggupan.

(2) Mahkamah boleh melantik mana-mana Pendaftar Mahkamah untuk bertindak sebagai penjaga *ad litem*.

Plaintif belum dewasa mencapai umur dewasa.

30. (1) Seseorang plaintif yang belum dewasa mencapai umur dewasa semasa prosiding belum selesai, boleh sama ada menarik balik prosiding sebelum dia mengambil apa-apa langkah di dalam prosiding itu atau meneruskan prosiding itu.

(2) Kebenaran Mahkamah tidak diperlukan untuk menarik balik prosiding itu tetapi peruntukan-peruntukan Bahagian XIII hendaklah terpakai mengenai perkara itu.

(3) Jika plaintif menarik balik prosiding itu dia tidaklah bertanggung sendiri untuk membayar kos melainkan Mahkamah memerintahkan sebaliknya.

(4) Jika plaintif adalah lebih daripada seorang, plaintif yang belum dewasa itu tidak boleh menarik balik tindakan itu tanpa kebenaran Mahkamah tetapi boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengeluarkan namanya atau jika dia adalah pihak yang perlu di dalam prosiding itu memotong namanya sebagai plaintif dan menjadikannya defendan atas apa-apa terma sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah.

(5) Jika prosiding diteruskan, plaintif hendaklah meminda tajuk tindakan itu dan Mahkamah boleh memindanya dan melepaskan penjaga *ad litem*nya.

Defendan belum dewasa mencapai umur dewasa.

31. Jika seorang defendan yang belum dewasa mencapai umur dewasa semasa prosiding belum selesai, dia atau penjaga *ad litem*nya boleh memfailkan affidavit yang membuktikan kedewasaannya, dan sesudah itu tajuk prosiding itu hendaklah dipinda, dan penjaga *ad litem* itu hendaklah dilepaskan tertakluk kepada perkara kos yang disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku penjaga itu.

Penggal VII

Orang Miskin

Permohonan menuntut atau membela sebagai orang miskin.

32. (1) Mana-mana orang yang ingin memulakan atau membela apa-apa tindakan atau prosiding lain mengikut haknya sendiri dan tidak upaya membayar perbelanjaan Mahkamah, boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran menuntut atau membela sebagai orang miskin.

(2) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang MS 4 yang disokong dengan affidavit dan pemohon hendaklah menyatakan di dalamnya —

(a) nama, tempat tinggal dan pekerjaannya;

(b) bahawa dia tidak berupaya membayar perbelanjaan Mahkamah;
dan

(c) semua fakta material kes itu.

(3) Apabila Mahkamah berpuas hati —

(a) bahawa pemohon tidak berupaya membayar perbelanjaan itu; dan

(b) bahawa pemohon mempunyai kausa tindakan atau pembelaan yang baik, mengikut mana-mana yang berkenaan,

Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah membenarkan pemohon itu menuntut atau membela mengikut mana-mana yang berkenaan sebagai orang miskin.

(4) Setelah perintah di bawah cerai (3) dibuat, saman atau proses lain dalam tindakan itu atau prosiding lain itu dan catatan yang berkaitan dalam buku daftar hendaklah ditanda "orang miskin".

(5) Jika Mahkamah tidak berpuas hati, ia hendaklah menolak permohonan itu dan tiada rayuan boleh dibuat terhadap penolakan itu.

Orang miskin tidak boleh memberhenti dan sebagainya tanpa kebenaran Mahkamah.

33. Orang miskin tidak boleh memberhentikan, bersetuju atau menyelesaikan apa-apa tindakan atau prosiding lain tanpa kebenaran Mahkamah.

Kos.

34. Kecuali Mahkamah memerintahkan selainnya, orang miskin tidaklah bertanggungjawab untuk membayar kos kepada mana-mana pihak, atau berhak menerima daripada mana-mana pihak apa-apa kos selain daripada perbelanjaan sebenar yang dilakukan dalam prosiding itu.

BAHAGIAN V

PEGUAM SYAR'IE

***Wakalah* perlantikan.**

35. (1) Perlantikan seseorang Peguam Syar'ie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya, dan diterima oleh Peguam Syar'ie yang dilantik sedemikian di hadapan Mahkamah atau Pendaftar.

(2) *Wakalah* perlantikan hendaklah dalam Borang MS 5 dan hendaklah difailkan oleh Peguam Syar'ie yang dilantik sedemikian, sebelum mengambil apa-apa langkah dalam sesuatu prosiding.

Penyampaian kepada Peguam Syar'ie.

36. Apabila seorang Peguam Syar'ie mewakili lebih daripada seorang daripada satu pihak dalam prosiding yang sama, penyampaian satu salinan mana-mana

dokumen kepada Peguam Syar'ie itu adalah cukup sebagai penyampaian yang sempurna kepada semua pihak yang diwakilinya.

Penukaran Peguam Syar'ie.

37. (1) Mana-mana pihak yang ingin menukar Peguam Syar'ienya, hendaklah memfailkan notis penukaran dalam Borang MS 6 dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada semua pihak dalam prosiding.

(2) Bab 35 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berhubungan dengan penukaran Peguam Syar'ie.

Pelepasan Peguam Syar'ie.

38. Mana-mana pihak yang ingin melepaskan Peguam Syar'ienya, hendaklah memfailkan notis pelepasan dalam Borang MS 7 dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada semua pihak dalam prosiding.

Pelepasan atas permohonan Peguam Syar'ie.

39. Jika Peguam Syar'ie yang mewakili satu pihak ingin dilepaskan, dia hendaklah memfailkan notis penarikan diri dalam Borang MS 8 dan menyampaikan suatu salinan notis itu kepada semua pihak dalam prosiding.

Kematian.

40. *Wakalah* seseorang Peguam Syar'ie hendaklah tamat dengan kematian Peguam Syar'ie itu atau pihak yang diwakilinya.

BAHAGIAN VI

PENYAMPAIAN

Penggal VIII

Penyampaian Dalam Bidang Kuasa

Alamat penyampaian.

41. (1) Tertakluk kepada cerai (2), plaintif atau pemohon dan tiap-tiap orang selain daripada pegawai Mahkamah yang bertindak sedemikian yang memfailkan apa-apa saman atau dokumen lain di dalam mana-mana prosiding dan mana-mana orang lain yang diperintahkan oleh Mahkamah supaya berbuat

demikian hendaklah memberi alamat penyampaian dalam Negara Brunei Darussalam.

(2) Jika plaintif atau pemohon diwakili oleh seorang Peguam Syar'ie, alamat Peguam Syar'ie itu hendaklah menjadi alamat penyampaian.

Cara penyampaian.

42. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, penyampaian apa-apa saman atau dokumen lain hendaklah kepada diri orang itu sendiri dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan salinan saman atau dokumen lain itu, kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu hendak disampaikan.

(2) Bagi maksud cerai (1), suatu salinan yang mengandungi meterai Mahkamah dan ditandatangani oleh Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai suatu saman atau dokumen asal.

(3) Penyampaian suatu saman atau dokumen lain hendaklah dilaksanakan oleh mana-mana pegawai Mahkamah atau mana-mana orang lain.

Keengganan menerima penyampaian.

43. Jika orang yang kepadanya apa-apa saman atau dokumen lain dikehendaki disampaikan enggan menerima saman atau dokumen itu atau salinannya, saman, dokumen atau salinannya itu bolehlah ditinggalkan berhampiran dengannya dan perhatiannya diarahkan kepada saman, dokumen atau salinannya itu.

Penyampaian kepada Peguam Syar'ie.

44. Apa-apa saman atau dokumen lain boleh disampaikan kepada Peguam Syar'ie mana-mana pihak yang telah memfailkan *wakalah* perlantikan mengikut bab 35, kecuali jika diperuntukkan selainnya oleh Perintah ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

Penyampaian di alamat penyampaian.

45. Apa-apa saman atau dokumen lain yang diserahkan di alamat penyampaian seseorang itu, hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu.

Tarikh kehadiran bagi saman.

46. (1) Suatu saman bagi memulakan tindakan hendaklah disampaikan tidak kurang daripada 7 hari genap sebelum tarikh kehadiran melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, notis berkenaan dengan semua prosiding lain hendaklah disampaikan tidak kurang daripada 2 hari genap sebelum tarikh kehadiran di Mahkamah, melainkan Mahkamah memerintahkan selainnya.

(3) Tarikh kehadiran di Mahkamah boleh dipinda oleh Pendaftar, jika perlu.

Tempat dan masa.

47. (1) Penyampaian boleh dilaksanakan di mana-mana tempat, pada mana-mana hari dan pada bila-bila masa siang atau malam.

(2) Penyampaian selepas pukul 4.00 petang hendaklah disifatkan telah dilaksanakan pada hari berikutnya.

(3) Penyampaian yang telah dilaksanakan selepas pukul 12.00 tengah hari pada hari sebelum cuti mingguan atau pada bila-bila masa pada cuti mingguan atau mana-mana cuti umum, hendaklah disifatkan telah dilaksanakan pada hari selepas cuti itu.

Kes khas.

48. (1) Penyampaian kepada mana-mana orang yang tidak berkeupayaan hendaklah dibuat kepada penjaga *ad litemnya*, jika ada.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), Mahkamah boleh, atas permohonan, memerintahkan penyampaian kepada orang yang tidak berkeupayaan itu dibuat kepada mana-mana orang lain.

(3) Penyampaian kepada seseorang yang ditahan di dalam penjara atau lain-lain tempat tahanan hendaklah dibuat kepada Pegawai Yang Menjaga Penjara atau pegawai berkenaan yang berkuasa di tempat itu yang hendaklah menyampaikan saman atau dokumen lain itu kepada orang tersebut.

(4) Penyampaian kepada mana-mana anggota Angkatan Bersenjata hendaklah dibuat kepada pegawai pemerintah atau ajutan unitnya, yang hendaklah menyampaikan saman atau dokumen lain itu kepada anggota tersebut.

Penyampaian ganti.

49. (1) Apabila Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman atau dokumen lain itu tidak dapat disampaikan secara biasa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman atau dokumen lain itu disampaikan dengan menampalkan salinannya di papan notis Mahkamah dan juga di tempat yang mudah dilihat di alamat yang terakhir diketahui orang itu tinggal, atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh juga, dalam mana-mana kes yang termasuk dalam cerai (1), membuat perintah supaya penyampaian dibuat secara iklan dalam akhbar tempatan atau akhbar-akhbar lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Penyampaian ganti hendaklah mempunyai kesan yang sama seperti penyampaian kepada diri orang itu sendiri.

(4) Dalam hal penyampaian ganti, Mahkamah hendaklah, jika perlu, menetapkan masa untuk pihak yang berkenaan itu hadir di Mahkamah.

(5) Tiada perintah bagi penyampaian ganti boleh dibuat berkenaan dengan —

(a) sepina; atau

(b) apa-apa dokumen yang memulakan prosiding bagi penangkapan atau pengkomitan mana-mana orang.

(6) Permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah bab ini hendaklah disokong dengan afidavit.

Bukti penyampaian.

50. (1) Penyampaian saman atau apa-apa dokumen lain boleh, kecuali Mahkamah memerintahkan sebaliknya, dibuktikan melalui afidavit orang yang melaksanakan penyampaian itu dan, jika penyampaian itu adalah kepada diri orang itu sendiri dan orang itu tidak dikenalnya, afidavit itu hendaklah mengandungi butir-butir diri orang yang mengecamkan orang yang kepadanya disampaikan saman atau dokumen itu.

(2) Orang yang kepadanya saman atau dokumen lain itu disampaikan hendaklah menandatangani perakuan penyampaian, tetapi keengganan atau ketidakupayaannya menandatangani tidak akan menjejaskan kesahan penyampaian itu.

Perubahan perintah bagi penyampaian.

51. Suatu perintah bagi penyampaian atau penyampaian ganti boleh diubah oleh Mahkamah.

Pengeluaran waran tangkap sebagai ganti atau sebagai penambahan kepada saman.

52. (1) Mahkamah boleh, dalam mana-mana hal yang ia berkuasa mengeluarkan saman untuk kehadiran mana-mana orang, setelah mencatatkan alasannya, mengeluarkan waran tangkap —

(a) jika, sama ada sebelum atau selepas mengeluarkan saman tetapi sebelum masa yang ditetapkan untuk kehadirannya, Mahkamah berpendapat ada alasan untuk mempercayai bahawa dia telah melarikan diri atau tidak akan mematuhi saman itu; atau

(b) jika pada masa yang ditetapkan itu dia gagal hadir dan dibuktikan saman telah disampaikan dengan sempurna serta cukup tempoh masa penyerahannya dan tiada alasan munasabah diberikan atas kegagalan tersebut.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang ditangkap menurut bab ini untuk ditahan sehingga selesai perbicaraan kausa atau perkara yang melibatkan orang tersebut.

(3) Bagi maksud bab ini, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa Mahkamah Syariah yang menjalankan bidang kuasa jenayah berkenaan dengan waran tangkap dan jaminan, di bawah undang-undang yang berkaitan dengan peraturan jenayah Mahkamah Syariah.

Penggal IX

Penyampaian Di Luar Bidang Kuasa

Bila dibenarkan.

53. (1) Mahkamah boleh memerintahkan penyampaian saman atau permohonan di luar bidang kuasanya, bilamana —

(a) keseluruhan hal perkara suatu tindakan yang dibawa berhubung dengan harta tak alih yang berada di Negara Brunei Darussalam;

(b) apa-apa relief yang dituntut terhadap mana-mana orang yang *bermastautin* atau yang *bermukim* atau menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam;

(c) tindakan itu dibawa dengan sepatutnya terhadap seseorang yang disampaikan kepadanya saman atau permohonan dengan sempurnanya dalam bidang kuasa Mahkamah itu, seseorang di luar bidang kuasa adalah pihak yang perlu atau patut dalam tindakan itu; atau

(d) dalam apa-apa hal yang berbangkit daripada perkahwinan, salah satu pihak kepada perkahwinan itu pada masa permohonan itu dibuat *bermastautin* dan *bermukim* di Negara Brunei Darussalam.

(2) Suatu perintah yang membenarkan penyampaian di luar bidang kuasa hendaklah mengarahkan cara penyampaian itu akan dilaksanakan dan bagaimana penyampaian itu boleh dibuktikan.

Bentuk perintah dan mengubah perintah.

54. (1) Suatu perintah penyampaian saman atau permohonan di luar bidang kuasa hendaklah menetapkan tarikh kehadiran orang yang hendak disampaikan kepadanya saman atau permohonan itu dan dalam menetapkan tarikh tersebut Mahkamah hendaklah mengambil kira dan boleh menghendaki keterangan mengenai kemudahan komunikasi dan pengangkutan.

(2) Sesuatu perintah bagi penyampaian di luar bidang kuasa boleh diubah oleh Mahkamah.

BAHAGIAN VII

INTERPLIDER

Hak mendapat relief dengan cara interplider.

55. Jika —

(a) seseorang bertanggung berkeñaan dengan sesuatu hutang atau berkeñaan dengan apa-apa wang, barang atau harta alih lain dan dia didakwa atau dia menjangka bahawa dia akan didakwa berkeñaan dengan hutang, wang, barang atau harta itu oleh dua orang atau lebih yang membuat tuntutan bertentangan berkeñaan dengannya; atau

(b) suatu tuntutan dibuat untuk mendapatkan apa-apa wang, barang atau harta alih lain yang diambil atau dicadangkan hendak diambil oleh bailif dalam melaksanakan suatu penghakiman, atau untuk mendapatkan hasil atau nilai apa-apa barang atau harta sedemikian oleh seseorang selain daripada orang yang terhadapnya penghakiman itu dikeluarkan,

orang yang bertanggung atau bailif itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk relief dengan cara interplider.

Tuntutan mendapatkan wang, barang dan sebagainya yang diambil dalam pelaksanaan.

56. (1) Mana-mana orang yang membuat suatu tuntutan untuk mendapatkan atau berkenaan dengan apa-apa wang, barang atau harta alih lain yang diambil atau dicadangkan hendak diambil dalam pelaksanaan suatu penghakiman, atau untuk mendapatkan hasil atau nilai apa-apa barang atau harta sedemikian, hendaklah memberi notis tuntutannya dalam Borang MS 9 kepada bailif yang dipertanggung dengan pelaksanaan penghakiman itu dan hendaklah memasukkan dalam notis itu alamatnya, dan alamat itu hendaklah menjadi alamat penyampaian kepadanya.

(2) Sebaik sahaja menerima tuntutan yang dibuat di bawah bab ini, bailif hendaklah serta merta memberi notis mengenai tuntutan itu dalam Borang MS 10 kepada *da'in* pelaksanaan dan *da'in* pelaksanaan itu hendaklah dalam masa 4 hari selepas menerima notis itu, memberi notis dalam Borang MS 11 kepada bailif memberitahunya sama ada dia mengaku atau mempertikaikan tuntutan itu.

(3) Jika —

(a) bailif menerima suatu notis daripada *da'in* pelaksanaan di bawah cerai (2) yang mempertikaikan tuntutan itu, atau *da'in* pelaksanaan gagal, dalam tempoh yang disebutkan dalam cerai itu, memberi notis yang dikehendaki itu; dan

(b) tuntutan di bawah bab ini tidak ditarik balik,

bailif boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan relief di bawah Bahagian ini.

(4) Bailif yang menerima notis daripada *da'in* pelaksanaan di bawah cerai (2) yang mengakui tuntutan yang dibuat di bawah bab ini hendaklah menarik diri daripada pemilikan wang, barang atau harta alih lain yang dituntut itu.

Cara membuat permohonan.

57. (1) Suatu permohonan untuk relief di bawah Bahagian ini, hendaklah dibuat melalui saman interplider dalam Borang MS 12 atau MS 13, mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Tertakluk kepada cerai (3), suatu saman di bawah bab ini hendaklah disokong dengan keterangan bahawa pemohon itu —

(a) tidak menuntut apa-apa kepentingan dalam hal perkara yang dipertikaikan selain daripada caj atau kos;

(b) tidak berpakat sulit dengan mana-mana pihak menuntut dalam hal perkara itu; dan

(c) sanggup membayar atau memindahkan hal perkara itu ke dalam Mahkamah atau melupuskannya sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(3) Jika pemohon itu seorang bailif, dia hendaklah tidak memberikan apa-apa keterangan yang disebutkan dalam cerai (2) melainkan diarahkan oleh Mahkamah untuk berbuat demikian.

Penyampaian saman.

58. (1) Kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, saman yang diperintah di bawah bab 57 hendaklah disampaikan kepada diri orang itu sendiri sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh kehadiran.

(2) Saman interplider mestilah dalam salah satu bentuk dalam Borang MS 14.

Kuasa Mahkamah mendengar saman.

59. (1) Jika, semasa mendengar saman di bawah Bahagian ini, semua orang yang membuat tuntutan bertentangan dalam hal perkara yang dipertikaikan itu hadir (kemudian daripada ini disebut "pihak-pihak menuntut" dalam Bahagian ini), Mahkamah boleh memerintahkan —

(a) bahawa mana-mana pihak menuntut dijadikan defendan dalam mana-mana tindakan yang belum selesai mengenai hal perkara yang dipertikaikan sebagai menggantikan atau sebagai tambahan kepada pemohon untuk relief di bawah Bahagian ini; atau

(b) bahawa isu di antara pihak-pihak menuntut itu dinyatakan dan dibicarakan, dan boleh mengarahkan mana satu antara pihak-pihak menuntut itu hendak dijadikan plaintif atau defendan.

(2) Jika —

(a) pemohon atas suatu saman di bawah Bahagian ini adalah seorang bailif; atau

(b) semua pihak menuntut bersetuju atau mana-mana di antara mereka itu meminta sedemikian; atau

(c) perkara yang menjadi isu di antara pihak-pihak menuntut ialah persoalan undang-undang dan fakta-faktanya tidak dipertikaikan,

Mahkamah boleh memutuskan secara terus tuntutan-tuntutan itu dan membuat suatu perintah yang sewajarnya atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

Perintah kos dan lain-lain.

60. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam Bahagian ini, Mahkamah boleh dalam atau bagi maksud mana-mana prosiding interplider membuat suatu perintah tentang kos dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

Perbicaraan isu interplider.

61. (1) Bahagian XV hendaklah, dengan ubahsuaian yang perlu, terpakai berhubung dengan sesuatu isu interplider sebagaimana ia terpakai berhubung dengan apa-apa kausa atau tindakan.

(2) Mahkamah yang membicarakan isu interplider itu boleh memberikan apa-apa penghakiman atau membuat apa-apa perintah yang kesudahannya dapat menyelesaikan segala soalan yang berbangkit dalam prosiding interplider itu.

(3) Penghakiman itu hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang MS 15.

BAHAGIAN VIII

PLIDING

Pernyataan tuntutan.

62. (1) Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syar'ienya dan hendaklah mengandungi —

(a) suatu pernyataan yang ringkas lagi padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintif dan menunjukkan kausa tindakannya, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sifat khas yang atasnya plaintif mendakwa, jika ada;

(b) butir-butir tuntutan yang mencukupi;

(c) pernyataan relief yang dituntut; dan

(d) butir-butir apa-apa relief sampingan yang lain.

(2) Jika terdapat lebih daripada satu alasan tindakan, tiap-tiap alasan tindakan dan relief yang dituntut hendaklah dinyatakan berasingan.

Pembelaan.

63. (1) Defendan yang mempertikaikan keseluruhan atau sebahagian daripada liabilitinya dalam apa-apa tuntutan boleh —

(a) pada bila-bila masa sebelum tarikh kehadiran, menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan; atau

(b) hadir pada tarikh kehadiran dan mempertikaikan tuntutan plaintif.

(2) Jika defendan hadir di Mahkamah dan mempertikaikan tuntutan plaintif, Mahkamah boleh memerintahkannya supaya menyampaikan pembelaan dalam sesuatu masa tertentu dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai.

(3) Suatu pembelaan hendaklah dalam Borang MS 16.

(4) Dalam bab ini, "tarikh kehadiran" ertinya tarikh pertama yang ditetapkan oleh Mahkamah semasa mengeluarkan saman atau permohonan untuk kehadiran.

Bentuk pembelaan.

64. Tiap-tiap pembelaan hendaklah ditandatangani oleh defendan atau Peguam Syar'ienya dan hendaklah mengandungi —

(a) pengakuan atau penafian tiap-tiap pengataan fakta yang material dalam pernyataan tuntutan, dan penafian hendaklah tepat, ringkas dan menjawab pengataan fakta;

(b) pernyataan ringkas apa-apa fakta baru yang akan digunakan oleh defendan dalam pembelaannya; dan

(c) pernyataan ringkas tanpa hujah apa-apa soal undang-undang berkaitan.

Tuntutan balas.

65. (1) Tiap-tiap tuntutan balas hendaklah mengandungi perkara dan butir-butir yang sama seperti pernyataan tuntutan dan hendaklah ditandatangani oleh defendan atau Peguam Syar'ienya.

(2) Tuntutan balas tidak boleh dibuat terhadap mana-mana orang yang pada ketika itu bukan pihak dalam tindakan, tetapi jika suatu tuntutan silang dibawa, suatu perintah bagi penyatuan boleh dibuat oleh Mahkamah.

Pembelaan kepada tuntutan balas.

66. (1) Jika mana-mana defendan menuntut balas, plaintif hendaklah, jika dia ingin membuat pembelaan kepada tuntutan balas itu, memfailkan dan menyebabkan supaya disampaikan kepada defendan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam sesuatu masa tertentu sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Jika plaintif gagal mematuhi peruntukan cerai (1), peruntukan bab 17 hendaklah terpakai seolah-olah dia adalah seorang defendan.

Pembelaan tawaran.

67. Jika suatu pembelaan tawaran sebelum tindakan dibangkitkan maka defendan hendaklah, apabila memfailkan pembelaannya, membayar ke dalam Mahkamah jumlah yang dikatakan telah ditawarkan itu.

Jawapan.

68. Mahkamah boleh, atas alasan yang mencukupi, memberi kebenaran untuk memfailkan dan menyampaikan jawapan kepada pembelaan, sama ada pembelaan itu ialah pembelaan kepada tuntutan atau tuntutan balas.

Pengembalian pliding dan pindaan.

69. Mahkamah boleh mengembalikan untuk pindaan apa-apa pliding yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Butir-butir.

70. (1) Jika mana-mana pliding tidak mengandungi butir-butir yang cukup, Mahkamah boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan pihak yang bertanggungjawab untuk memfailkan dan

menyebabkan supaya disampaikan butir-butir lanjut dan lebih baik, dan boleh menggantung semua prosiding sehingga perintah itu dipatuhi.

(2) Butir-butir lanjut dan lebih baik boleh difailkan dan disampaikan atas permintaan tanpa apa-apa perintah.

BAHAGIAN IX

PEMBAYARAN KE DALAM DAN DARIPADA MAHKAMAH

Pembayaran ke dalam Mahkamah.

71. (1) Defendan boleh membayar wang ke dalam Mahkamah sebagai penyelesaian tuntutan atau mana-mana bahagian tuntutan itu dan boleh juga membayar sejumlah wang sebagai kos.

(2) Defendan hendaklah memberi notis kepada plaintif mengenai pembayaran ke dalam Mahkamah dan, jika pembayaran itu kurang daripada jumlah yang dituntut, notis itu hendaklah menyatakan bahagian mana daripada tuntutan itu pembayaran itu dibuat.

Pembayaran daripada Mahkamah.

72. Tertakluk kepada bab 27 dan bab 77, jika pembayaran ke dalam Mahkamah adalah sama dengan jumlah yang dituntut atau plaintif memilih menerimanya sebagai penyelesaian kesemua tuntutannya, jumlah itu hendaklah dibayar daripada Mahkamah kepadanya, dan plaintif boleh mendapat penghakiman bagi semua kos yang kena dibayar sebelum dia menerima notis pembayaran ke dalam Mahkamah itu, dan kos untuk mendapat penghakiman bagi kos tersebut, melainkan jika dibayar tanpa perintah.

Pembayaran sebahagian.

73. Jika pembayaran yang disebut dalam bab 72 adalah mengenai sebahagian daripada tuntutannya, plaintif boleh meneruskan tuntutannya berkenaan dengan sebahagian yang lain itu.

Perintah pembayaran daripada Mahkamah.

74. Tertakluk kepada bab-bab 72, 73 dan 77, wang yang dibayar ke dalam Mahkamah tidak boleh dibayar daripada Mahkamah tanpa perintah Mahkamah.

Kos kepada defendan.

75. Jika wang telah dibayar ke dalam Mahkamah dan plaintif gagal mendapat penghakiman bagi jumlah yang lebih besar, semua kos yang kena dibayar oleh defendan selepas pembayaran ke dalam Mahkamah hendaklah dibayar oleh plaintif.

Relief lain.

76. Jika plaintif memohon relief selain daripada pembayaran wang, dia boleh meneruskan tindakannya untuk mendapatkan relief lain itu tanpa mengambil kira pembayaran wang daripada Mahkamah kepadanya.

Tawaran dan kos.

77. Jika pembayaran ke dalam Mahkamah dibuat dengan pembelaan tawaran dan diterima, plaintif adalah berhak kepada kos sepenuhnya bagi tindakan itu.

Tuntutan balas.

78. Bahagian ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi tuntutan balas.

BAHAGIAN X

PINDAAN

Pindaan saman atau pliding.

79. (1) Tertakluk kepada Penggal VIII Bahagian VI dan peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Bahagian ini, Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, membenarkan plaintif meminda samannya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya, atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya adil dan mengikut apa-apa cara, jika ada, yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Jika suatu permohonan kepada Mahkamah untuk membuat pindaan yang disebut dalam cerai (1) dibuat selepas tamatnya tempoh had masa yang berkaitan yang berkuatkuasa pada tarikh pengeluaran saman itu, Mahkamah boleh, memberi kebenaran mengikut hal keadaan, jika difikirkannya adil untuk berbuat demikian.

(3) Tertakluk kepada cerai (2), mana-mana pihak boleh meminda plidingnya pada bila-bila masa sebelum penyampaian kepada pihak yang satu lagi tanpa kebenaran Mahkamah.

Pindaan kepada permohonan.

80. Bab 79 hendaklah terpakai berhubung dengan permohonan sebagaimana ianya terpakai bagi saman dan pliding.

Prosiding cacat.

81. Mahkamah boleh pada bila-bila masa, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, dan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, memerintahkan —

(a) pindaan bagi membetulkan apa-apa kecacatan atau kesilapan dalam mana-mana prosiding; atau

(b) apa-apa tindakan yang perlu bagi menentukan perkara yang sebenarnya timbul atau untuk mencapai keadilan di antara pihak-pihak.

Cara pindaan.

82. Pindaan hendaklah dibuat dengan memfailkan satu salinan dokumen yang dipinda, yang hendaklah menunjukkan pindaan yang dibuat, dan menyampaikannya kepada semua pihak lain dalam prosiding:

Dengan syarat bahawa jika pindaan diperintahkan dalam masa perbicaraan mana-mana tindakan atau prosiding, atau jika semua pihak hadir semasa pindaan itu dibuat, Mahkamah boleh atas budibicaranya meminda dokumen dalam failnya, dan penyampaian kepada mana-mana pihak adalah tidak perlu.

Peninggalan.

83. Kesilapan perkeranian atau kecacatan lain yang timbul daripada peninggalan tidak sengaja boleh pada bila-bila masa dibetulkan oleh Mahkamah tanpa apa-apa formaliti.

BAHAGIAN XI

PENZAHIRAN

Penzahiran dokumen dan fakta.

84. (1) Mahkamah boleh, jika perlu dan atas apa-apa terma memerintahkan mana-mana pihak —

(a) menyatakan dengan affidavit, apa-apa dokumen yang masih atau pernah berada dalam milikan atau kuasanya berhubung dengan perkara yang dipersoalkan, atau sama ada dia masih atau pernah memiliki atau menguasai apa-apa dokumen tertentu, dokumen atau jenis dokumen dan dalam mana-mana kes, tempat tersimpannya sekarang mana-mana dokumen yang dahulunya berada dalam milikan atau kuasanya, tetapi sekarang tidak ada dalam milikannya; atau

(b) mengemukakan apa-apa dokumen yang berada dalam milikan atau kuasanya; atau

(c) menjawab secara lisan atau dengan affidavit, soalan interogatori yang telah diserahkan oleh pihak satu lagi dan diluluskan oleh Mahkamah.

(2) Jika pihak itu adalah sebuah perbadanan, mana-mana pegawainya boleh diarahkan untuk bertindak mengikut cara yang sama bagi pihaknya.

(3) Mahkamah boleh menggantung prosiding itu sementara menunggu perintah atau arahan Mahkamah dipatuhi di bawah bab ini.

Pemeriksaan dokumen.

85. Mana-mana pihak berhak memeriksa dan membuat salinan apa-apa dokumen dalam milikan atau kuasa pihak yang satu lagi dan yang dirujuk dalam mana-mana pliding, affidavit atau dokumen lain yang difailkan oleh pihak yang satu lagi dalam prosiding itu atau dengan memeriksa secara lisan di bawah bab 84.

Dokumen terlindung.

86. Pengemukakan dan pemeriksaan dokumen di bawah Bahagian ini hendaklah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang berhubung dengan komunikasi dan dokumen terlindung.

Tiada rayuan terhadap perintah.

87. Tiada rayuan boleh dibuat terhadap apa-apa perintah Mahkamah di bawah Bahagian ini melainkan dalam rayuan terhadap keseluruhan penghakiman.

BAHAGIAN XII

PEMINDAHAN PROSIDING

Pemindahan prosiding kepada Mahkamah lain.

88. (1) Jika Hakim mana-mana Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana prosiding dalam Mahkamah itu boleh dengan lebih senang atau wajar dibicarakan di suatu Mahkamah lain, dia boleh memerintahkan supaya prosiding itu dipindahkan kepada Mahkamah yang lain itu.

(2) Pemindahan mana-mana prosiding di bawah cerai (1) boleh dibuat oleh Hakim atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak.

Prosedur.

89. (1) Apabila suatu perintah dibuat bagi pemindahan mana-mana prosiding daripada suatu Mahkamah kepada suatu Mahkamah yang lain, Mahkamah yang daripadanya prosiding itu dipindahkan hendaklah menghantar kepada Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan semua rekod prosiding.

(2) Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, memberikan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kos mengenai pemindahan.

90. Jika perintah bagi pemindahan telah dibuat atas permohonan suatu pihak, kos pemindahannya hendaklah mengikut budibicara Hakim.

Pemindahan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

91. (1) Jika melalui suatu perintah Mahkamah Tinggi Syariah mana-mana prosiding diperintahkan supaya dipindah kepada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, atau suatu isu diarahkan supaya dibicarakan dalam Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah itu, Pendaftar hendaklah, apabila menerima perintah itu, mencatatkan prosiding itu dalam Buku Daftar Kes yang berkenaan, dan memberikan notis dalam Borang MS 17, sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh kehadiran, kepada tiap-tiap pihak supaya hadir di hadapan Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang terkandung dalam perintah Mahkamah Tinggi Syariah tersebut, perbicaraan itu hendaklah diteruskan seolah-olah prosiding itu telah dimulakan dalam Mahkamah Rendah Syariah.

Pemindahan daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

92. Jika suatu perintah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk memindahkan mana-mana prosiding daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah, Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah hendaklah menghantar kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah fail prosiding itu dan segala catatan prosiding, dan Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah hendaklah memberikan notis pemindahan itu dalam Borang MS 18 kepada tiap-tiap pihak dalam tindakan itu.

BAHAGIAN XIII

PENYELESAIAN, PENARIKAN BALIK DAN PEMBERHENTIAN

Penyelesaian.

93. Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu mencatatkan penyelesaian itu dengan terma-termannya, dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan secara *res judicata* kepada prosiding kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau yang sebahagian besarnya adalah sama.

Penarikan balik.

94. (1) Plaintiff boleh atas apa-apa terma, pada bila-bila masa dengan kebenaran Mahkamah sebelum penghakiman, menarik balik mana-mana prosiding sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis dalam Borang MS 19 kepada Mahkamah dan menyampaikan satu salinannya kepada defendan dan semua pihak lain dalam prosiding itu.

(2) Jika plaintiff menarik balik mana-mana prosiding di bawah cerai (1), defendan adalah berhak mendapat kos prosiding itu mengikut budibicara Hakim.

Kesan daripada penarikan balik.

95. Apabila plaintiff telah menarik balik prosiding, dia tidak boleh kemudiannya membawa tindakan bagi kausa tindakan yang sama atau yang sebahagian besarnya adalah sama kecuali perintah di bawah bab 94 membenarkan selainnya.

Penggantungan.

96. Jika plaintif telah menarik balik prosiding di bawah bab 94 dan dia adalah bertanggung untuk membayar kos, dan jika sebelum kos itu dibayar, dia kemudiannya memulakan suatu tindakan bagi kausa tindakan yang sama atau yang sebahagian besarnya adalah sama, Mahkamah boleh memerintahkan prosiding dalam tindakan itu digantung sehinggalah kos itu dibayar.

Penarikan balik pembelaan.

97. Defendan boleh pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada plaintif menarik balik pembelaannya atau sebahagian daripadanya dan hendaklah, dalam keadaan itu, dihalang daripada membela prosiding itu atau sebahagian daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sulh.

98. Mahkamah hendaklah menggalakkan pihak-pihak dalam mana-mana prosiding mengadakan *sulh* mengikut *Hukum Syara'* bagi menyelesaikan pertikaian mereka.

BAHAGIAN XIV

KETERANGAN

Penggal X

Am

Keterangan hendaklah diambil secara lisan.

99. Tertakluk kepada Perintah ini dan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001, apa-apa fakta yang dikehendaki dibuktikan dalam perbicaraan mana-mana prosiding melalui keterangan pihak-pihak atau saksi-saksi hendaklah dibuktikan dengan pemeriksaan ke atas pihak-pihak atau saksi-saksi itu secara lisan dalam Mahkamah terbuka.

Keterangan melalui afidavit.

100. Mahkamah boleh, pada masa atau sebelum perbicaraan mana-mana prosiding, memerintahkan supaya afidavit mana-mana saksi dibaca pada perbicaraan itu jika dalam keadaan kes tersebut difikirkannya munasabah.

Penggal XI

Sepina

Permintaan bagi sepina.

101. (1) Sebelum suatu sepina dikeluarkan suatu permintaan dalam Borang MS 20 bagi pengeluaran sepina itu hendaklah difailkan di Mahkamah, dan hendaklah mengandungi nama dan alamat pihak yang meminta sepina itu, jika dia bertindak secara sendiri, atau nama firma dan alamat perniagaan Peguam Syar'ienya.

(2) Pengeluaran sepina adalah terlaksana sebaik sahaja ia dimeterai oleh Mahkamah.

(3) Suatu sepina hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang MS 21, MS 22 atau MS 23.

Bilangan orang dalam sepina.

102. (1) Tiap-tiap sepina selain daripada sepina untuk mengemukakan dokumen atau benda boleh memasukkan nama dua orang atau lebih.

(2) Suatu sepina untuk mengemukakan dokumen atau benda lain hendaklah mengandungi nama seorang sahaja.

Sepina untuk mengemukakan dokumen atau benda.

103. Mana-mana orang yang kepadanya disampaikan sepina supaya mengemukakan dokumen atau benda sahaja adalah mematuhi dengan secukupnya jika dia menyebabkan dokumen atau benda itu dikemukakan tanpa hadir secara sendiri.

Meminda sepina.

104. Jika terdapat kesilapan pada nama atau alamat mana-mana orang dalam sesuatu sepina, dan jika sepina itu belum lagi disampaikan, pihak yang atas permintaannya sepina itu dikeluarkan boleh dengan cara memfailkan permintaan kali kedua di bawah cerai (1) bab 101 meminta supaya sepina itu dimeteraikan semula mengikut bentuk yang betul dengan dicatatkan dengan perkataan "Dipinda dan dimeterai semula".

Penyampaian sepina.

105. Kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, sepina hendaklah disampaikan kepada diri orang itu sendiri dan penyampaian itu tidaklah sah melainkan dilaksanakan dalam masa 12 minggu dari tarikh pengeluaran sepina itu.

Jangka masa sepina.

106. Sesuatu sepina akan terus berkuatkuasa sehinggalah tamat pendengaran yang menghendaki kehadiran saksi itu.

Rekod Mahkamah.

107. (1) Mana-mana pegawai Mahkamah tidaklah boleh dikehendaki mengemukakan rekod-rekod Mahkamah melalui sepina.

(2) Jika salinan asal mana-mana rekod Mahkamah atau mana-mana dokumen yang difailkan di Mahkamah itu adalah dikehendaki kerana apa-apa sebab khas, suatu permintaan untuk pengemukaannya bolehlah, atas permohonan pihak yang menghendakinya, dialamatkan kepada Pendaftar Mahkamah itu.

(3) Tiada tanda boleh diletakkan pada mana-mana rekod atau dokumen yang dikemukakan di bawah bab ini.

Kehadiran orang dalam tahanan sebagai saksi atau pihak.

108. (1) Suatu permohonan untuk perintah supaya seseorang yang ditahan dengan sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa, dikemukakan di hadapan Mahkamah bolehlah dibuat kepada Mahkamah secara *ex-parte* melalui notis yang disokong dengan affidavit dalam Borang MS 24.

(2) Kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, kos membawa saksi dalam penajaan yang selamat kepada dan daripada Mahkamah hendaklah terlebih dahulu dibayar oleh pihak yang atas permohonannya perintah itu dikeluarkan dan hendaklah menjadi kos dalam kausa.

(3) Suatu perintah untuk mengemukakan orang tersebut hendaklah dalam Borang MS 25.

Kehadiran saksi.

109. Seseorang yang disepina untuk memberi keterangan hendaklah menghadiri sepanjang perbicaraan itu termasuk mana-mana perbicaraan yang telah ditangguhkan, kecuali jika dibebaskan oleh Mahkamah.

Kegagalan menghadiri.

110. Tertakluk kepada bab 113, jika mana-mana orang yang kepadanya telah disampaikan sepina dengan sempurna untuk memberi keterangan atau mengemukakan dokumen, tanpa memberi sebab yang mencukupi, gagal hadir ke Mahkamah itu sama ada pada hari pertama atau hari disambung perbicaraan atau gagal mengemukakan dokumen seperti yang diperintahkan, adalah melakukan kesalahan menghina Mahkamah. Mahkamah boleh juga mengeluarkan waran untuk menangkapnya.

Penghinaan Mahkamah.

111. Seseorang yang berada di dalam Mahkamah dan dikehendaki oleh Mahkamah memberi keterangan atau mengangkat *yamin* atau membuat afidavit atau menjawab mana-mana soalan yang dibenarkan oleh Mahkamah enggan berbuat demikian adalah melakukan kesalahan menghina Mahkamah.

Hadirin.

112. Seseorang yang berada di dalam Mahkamah boleh diperintah memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen yang semasa itu berada dalam milikan atau jagaannya tanpa menyampaikan sepina kepadanya.

Penawaran perbelanjaan.

113. Seorang saksi tidaklah boleh dipaksa hadir atas suatu sepina melainkan jika sejumlah wang yang munasabah telah ditawarkan kepadanya untuk menampung perbelanjaannya pergi ke Mahkamah, berada di Mahkamah dan balik dari Mahkamah.

Afidavit penyampaian sepina.

114. Suatu afidavit yang difailkan bagi maksud membuktikan penyampaian sesuatu sepina hendaklah menyatakan bila, di mana, bagaimana dan oleh siapa penyampaian itu telah dilaksanakan.

Penggal XII

Afidavit

Membuat afidavit.

115. Suatu afidavit yang hendak digunakan di dalam mana-mana prosiding di dalam Mahkamah hendaklah disahkan —

(a) di hadapan mana-mana Hakim atau Pendaftar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pendaftar;

(b) di luar Negara Brunei Darussalam, di hadapan mana-mana Hakim Syar'ie atau Kadi; atau

(c) di hadapan pegawai-pegawai yang beragama Islam di kedutaan-kedutaan dan suruhanjaya-suruhanjaya Negara Brunei Darussalam di luar negara yang diberi kuasa untuk mengendalikan sumpah.

Bentuk afidavit.

116. (1) Suatu afidavit hendaklah dalam Borang MS 26.

(2) Tiap-tiap afidavit hendaklah ditandatangani oleh deponen dan jurat hendaklah diisi dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya afidavit itu disahkan mengikut salah satu bentuk dalam Borang MS 27.

(3) Dengan tidak menghiraukan peruntukan cerai (1), Mahkamah boleh, mengikut budibicaranya, menerima sesuatu afidavit walaupun terdapat apa-apa luar aturan pada bentuknya.

Lampiran pada afidavit.

117. (1) Suatu salinan apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubung dengan suatu afidavit hendaklah dilampirkan pada afidavit itu sebagai eksibit.

(2) Apa-apa eksibit kepada afidavit hendaklah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya afidavit itu disahkan, dan perakuan itu hendaklah dalam Borang MS 28.

Penolakan afidavit.

118. Mahkamah boleh mengikut budibicaranya menolak apa-apa afidavit yang disebabkan bentuk atau yang kandungannya sukar dibaca atau difahami, atau

yang terdapat apa-apa perkataan di antara baris, pengubahan, pemadaman atau kecacatan lain.

Pindaan.

119. (1) Suatu affidavit yang telah difailkan boleh dipinda bagi maksud membetulkan apa-apa kesilapan perkeranian atau tinggalan.

(2) Apa-apa pindaan di bawah cerai (1) hendaklah dibuat melalui affidavit pembedahan dan hendaklah difailkan sebelum perbicaraan kecuali Mahkamah membenarkan selainnya.

(3) Affidavit tambahan boleh difailkan sebelum perbicaraan.

Memfailkan affidavit.

120. Tiada affidavit boleh difailkan selepas perbicaraan dimulakan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Pemeriksaan balas.

121. (1) Mana-mana pihak yang ingin mempertikaikan fakta yang terdapat dalam sesuatu affidavit boleh menyampaikan kepada pihak yang memfailkan affidavit itu notis niat untuk memeriksa balas deponen itu, dan seterusnya, jika deponen itu tidak dikemukakan bagi pemeriksaan balas, Mahkamah hendaklah, melainkan dalam hal keadaan khas, menolak atau tidak mengambil kira affidavit itu.

(2) Mahkamah boleh mengikut budibicaranya menghendaki kehadiran mana-mana deponen affidavit itu dan, jika dia gagal hadir, Mahkamah boleh menolak atau tidak mengambil kira affidavit itu.

BAHAGIAN XV

PERBICARAAN

Pendengaran dalam Mahkamah terbuka.

122. Kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Perintah ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, semua prosiding yang dimulakan dengan saman hendaklah didengar dan diputuskan dalam Mahkamah terbuka dan semua prosiding yang dimulakan dengan permohonan hendaklah didengar dan diputuskan dalam Kamar.

Kehadiran.

123. (1) Mana-mana pihak boleh mengemukakan kesnya sendiri atau melalui Peguam Syar'ienya, walau bagaimanapun tiap-tiap pihak hendaklah hadir pada perbicaraan itu kecuali dibenarkan sebaliknya oleh Mahkamah.

(2) Orang yang tidak berkeupayaan hendaklah hadir melalui penjaga *ad litemnya*.

Ketidakhadiran pihak-pihak.

124. (1) Apabila sesuatu tindakan dipanggil untuk perbicaraan, Mahkamah boleh —

(a) jika pihak-pihak tidak hadir, membatalkan tindakan itu;

(b) jika defendan tidak hadir, tertakluk kepada pembuktian formal penyampaian saman, membicara dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya; atau

(c) jika plaintif tidak hadir, menolak tindakan itu dan membicara serta memutuskan apa-apa tuntutan balas.

(2) Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman tentang tuntutan plaintif di bawah perenggan (b) atau tuntutan balas defendan di bawah perenggan (c) cerai (1), mengarahkan plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, supaya mengangkat *yamin istizhar*.

(3) Jika terdapat lebih daripada seorang plaintif atau defendan dan hanya seorang sahaja daripada mereka yang hadir, Mahkamah boleh membicara tindakan pihak yang hadir itu, dan memutuskan tindakan mengikut cerai (1) dan (2) terhadap pihak-pihak yang tidak hadir.

(4) Mahkamah boleh mengikut budibicaranya dalam hal keadaan yang disebut dalam cerai (1) dan (3) membenarkan suatu penangguhan.

Tuntutan balas.

125. Penggantungan, penarikan balik, pembatalan atau pembuangan tuntutan plaintif tidak menghalang Mahkamah dari membicara dan memutuskan apa-apa tuntutan balas.

Tolak kira.

126. Apabila penghakiman adalah untuk sejumlah wang atas kedua-dua tuntutan dan tuntutan balas, Mahkamah boleh menolak kira dan memberi penghakiman bagi yang baki sahaja tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah untuk membuat perintah mengenai kos sebagaimana yang difikirkannya patut.

Nota keterangan.

127. Mahkamah hendaklah mencatatkan keterangan yang diberi dan, setakat yang difikirkannya perlu, pengujahan undang-undang yang dibuat, termasuk apa-apa bantahan terhadap keterangan, dan boleh mengandungi pandangannya terhadap tingkah laku saksi dan perkara material yang lain.

Dokumen atau eksibit.

128. (1) Apa-apa dokumen atau eksibit lain yang dikemukakan sebagai keterangan dan diterima hendaklah ditandakan dan, melainkan Mahkamah memerintahkan selainnya, dokumen atau eksibit itu atau salinan dokumen atau salinan eksibit itu hendaklah disimpan di dalam Mahkamah sehingga prosiding itu selesai dan sehingga tempoh untuk rayuan telah luput.

(2) Bagi maksud pengenalan, suatu dokumen atau eksibit atau salinan dokumen atau salinan eksibit yang dikemukakan sebagai keterangan tetapi telah ditolak oleh Mahkamah hendaklah juga ditandakan.

Susunan ucapan.

129. (1) Tertakluk kepada cerai (2) —

(a) plaintif hendaklah memulakan dengan membuka kesnya;

(b) setiap pihak boleh, sebelum mengemukakan keterangan, membuka kesnya.

(2) Hakim boleh memberi arahan kepada pihak yang akan memulakan kes dan susunan ucapan dalam perbicaraan.

(3) Tertakluk kepada arahan Hakim di bawah cerai (2) dan peruntukan-peruntukan bab ini, pihak yang memulakan adalah berhak menggulung kesnya.

(4) Apabila plaintif telah mengemukakan semua keterangan bagi kesnya, Hakim hendaklah memanggil defendan untuk mengemukakan keterangan bagi menjawab tuntutan plaintif, dan dalam hal demikian, defendan diberi pilihan

sama ada hendak mengemukakan keterangan atau menghujahkan bahawa tiada kes untuk dijawab.

(5) Jika defendan memilih untuk mengemukakan keterangan bagi pihaknya, Hakim hendaklah mencatatkan keterangan yang dikemukakan itu, dan apabila defendan telah mengemukakan semua keterangan bagi pihaknya, Hakim hendaklah meminta defendan mengemukakan hujah bagi menutup kesnya.

(6) Apabila defendan telah menutup kesnya, Hakim hendaklah meminta plaintif menggulung kesnya bagi menjawab hujah defendan.

(7) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan bab ini, tetapi tertakluk kepada cerai (8) dan (9), Hakim boleh mengarahkan mana-mana pihak mengemukakan hujah bertulis dalam apa-apa bentuk dan dalam suatu masa yang boleh diarahkan olehnya.

(8) Jika defendan memilih untuk tidak mengemukakan apa-apa keterangan tetapi memilih untuk menghujah bahawa tiada kes untuk dijawab, Hakim hendaklah —

(a) mencatat hujah defendan itu; dan

(b) mengarahkan defendan supaya mengangkat *yamin* menafikan tuntutan plaintif, tetapi jika defendan enggan mengangkat *yamin* sedemikian, Hakim hendaklah, tertakluk kepada cerai (9), menolak kes defendan dan membenarkan tuntutan plaintif.

(9) Sebelum Hakim membenarkan tuntutan plaintif di bawah cerai (8), Hakim hendaklah —

(a) mendengar dan mencatatkan hujah plaintif dalam penggulangan kesnya; dan

(b) mengarahkan plaintif mengangkat *yamin mardudah* mengakui kebenaran tuntutannya, tetapi jika plaintif enggan mengangkat *yamin* sedemikian, Hakim hendaklah menolak kesnya.

Kuasa Mahkamah.

130. Untuk kepentingan keadilan, Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat prosiding, memanggil mana-mana pihak untuk mengemukakan apa-apa keterangan dan boleh memeriksa mana-mana tempat atau barang.

Sambung bicara oleh Hakim lain.

131. (1) Jika seseorang Hakim telah memulakan perbicaraan dan tidak dapat menyelesaikan kes itu atas apa-apa sebab tertentu, seorang Hakim yang lain boleh dengan persetujuan semua pihak menyambung perbicaraan itu.

(2) Jika persetujuan yang disebut dalam cerai (1) tidak diperolehi, perbicaraan semula hendaklah diadakan.

Penangguhan dan pemindahan perbicaraan.

132. Mahkamah boleh menangguhkan dan memindahkan mana-mana perbicaraan dari masa ke semasa dan dari suatu tempat ke suatu tempat lain, dan boleh mengenakan apa-apa syarat apabila berbuat demikian.

BAHAGIAN XVI

PENGHAKIMAN DAN PERINTAH

Penghakiman.

133. (1) Hakim perbicaraan hendaklah menulis penghakimannya.

(2) Kecuali dalam hal prosiding dalam Kamar, Hakim perbicaraan hendaklah, tertakluk kepada cerai (3), mengumumkan penghakimannya dalam Mahkamah terbuka.

(3) Jika kerana sesuatu sebab Hakim perbicaraan tidak dapat mengumumkan penghakimannya di Mahkamah terbuka, penghakiman itu boleh dibacakan oleh mana-mana Hakim lain atau Pendaftar.

Penghakiman persetujuan.

134. Penghakiman atas pengakuan atau persetujuan pihak-pihak secara *sulh* boleh dicatatkan oleh Mahkamah pada mana-mana peringkat prosiding.

Penentuan terma penghakiman atau perintah.

135. Mahkamah hendaklah menentukan terma sesuatu penghakiman atau perintah.

Bila ansuran kena dibayar.

136. Jika apa-apa perintah dibuat bagi pembayaran secara ansuran dalam sesuatu bulan tertentu, pembayaran ansuran itu hendaklah, dengan tiada apa-apa perintah selainnya, disifatkan kena dibayar pada hari pertama bulan berikutnya dalam mana perintah itu telah dibuat dan pada tiap-tiap hari pertama bulan yang seterusnya.

Perintah secara ansuran.

137. (1) Mana-mana *madin* yang terhadapnya penghakiman telah atau akan diberikan boleh memohon kepada Mahkamah —

(a) untuk mendapatkan kebenaran membayar hutang penghakiman itu secara ansuran; atau

(b) jika suatu perintah bagi bayaran secara ansuran telah dibuat, untuk mendapatkan kebenaran membayar secara ansuran dengan kadar yang lebih rendah,

dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut.

(2) Jika mana-mana ansuran itu tertunggak melebihi satu bulan, perintah tersebut hendaklah disifatkan telah diketepikan dan *da'in* penghakiman boleh memohon pelaksanaan keseluruhan jumlah yang tertunggak yang kena dibayar atas penghakiman itu, tetapi *madin* penghakiman boleh memohon untuk mendapatkan perintah yang lain.

(3) Mana-mana pihak boleh, jika suatu perintah untuk bayaran secara ansuran telah dibuat, memohon supaya perintah itu diketepikan, atau ansuran itu ditambah atau dikurangkan, dan Mahkamah selepas mendengar pihak-pihak itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut.

Penyampaian perintah.

138. (1) Tiap-tiap penghakiman atau perintah yang menghendaki mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan, selain daripada pembayaran wang hendaklah menyatakan masa dalam mana perbuatan itu mesti dilakukan, jika masa tidak dinyatakan, perbuatan itu hendaklah dilakukan dalam tempoh 7 hari dari tarikh penghakiman atau perintah itu.

(2) Jika orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu hadir sendiri atau diwakili oleh Peguam Syar'ienya semasa penghakiman atau perintah diberikan atau dibuat, maka salinan penghakiman atau perintah itu tidaklah perlu disampaikan kepadanya.

(3) Jika orang itu tidak hadir sendiri atau tidak diwakili, tiada prosiding untuk tangkapan atau pengkomitannya boleh diambil melainkan setelah disampaikan kepadanya satu salinan penghakiman atau perintah dalam Borang MS 29.

Tarikh penghakiman atau perintah.

139. Tiap-tiap penghakiman atau perintah hendaklah diberi tarikh dan berkuat-kuasa dari tarikh penghakiman atau perintah itu diberikan atau dibuat.

Penghakiman harta alih.

140. Suatu penghakiman untuk menghantarserahkan harta alih hendaklah menyatakan jumlah wang yang hendak dibayar sebagai alternatif jika penghantarserahan tidak dapat dibuat.

BAHAGIAN XVII

RAYUAN

Tafsiran.

141. Dalam Bahagian ini, "keputusan" termasuklah penghakiman dan perintah.

Notis rayuan.

142. (1) Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah, dan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Rayuan hendaklah dibawa dengan memberi notis rayuan dalam Borang MS 30.

(3) Rayuan boleh dibuat terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian keputusan itu.

(4) Notis rayuan hendaklah difailkan dalam masa 14 hari dari tarikh keputusan itu dibuat dan hendaklah menyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja, serta bahagian mana keputusan itu dirayu.

(5) Mahkamah dari mana keputusan itu dirayu hendaklah, setelah menerima notis rayuan membekalkan kepada perayu, setelah dibayar bayaran baginya, suatu salinan diperakui bagi nota-nota keterangan dan alasan penghakiman.

(6) Sebaik sahaja salinan diperakui itu telah siap, Mahkamah hendaklah memberi notis kepada perayu dalam Borang MS 31.

(7) Dalam masa 14 hari dari penerimaan notis di bawah cerai (6), perayu hendaklah, melainkan diperintahkan selainnya oleh Mahkamah —

(a) mendepositkan kepada Mahkamah dari mana rayuan itu dibuat sejumlah wang yang pada pendapat Pendaftar dapat menampung kos menyediakan bilangan salinan yang mencukupi bagi rekod rayuan itu untuk kegunaan Mahkamah yang membicarakan rayuan dan pihak-pihak dalam rayuan itu; dan

(b) menyerahkan simpan kepada Mahkamah dari mana rayuan itu dibuat sejumlah wang sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah sebagai jaminan untuk kos rayuan.

(8) Notis rayuan hendaklah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan bagi memfailkan rayuan kepada responden atau kepada Peguam Syar'ienya.

Notis rayuan balas.

143. Responden dalam suatu rayuan boleh, dalam masa 7 hari dari tarikh penyampaian rekod rayuan kepadanya, memfailkan di Mahkamah yang membicarakan rayuan itu dan menyampaikan kepada perayu suatu notis dalam Borang MS 32 akan niatnya menghujah di perbicaraan rayuan itu bahawa keputusan Mahkamah yang terhadapnya keputusan dirayu itu patut diubah.

Alasan rayuan.

144. (1) Dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan notis di bawah cerai (6) bab 142, perayu hendaklah mengemukakan alasan rayuan kepada Pendaftar Mahkamah yang terhadapnya keputusan dirayu dalam 5 salinan yang dialamatkan kepada Mahkamah yang membicarakan rayuan itu.

(2) Tiap-tiap alasan rayuan hendaklah menyatakan dengan ringkas isi penghakiman yang dirayu dan hendaklah mengandungi butir-butir yang jelas mengenai perkara undang-undang atau perkara fakta yang berkenaan dengannya rayuan itu dibuat dan, kecuali dengan kebenaran Mahkamah yang mendengar rayuan itu, pihak merayu tidak boleh semasa rayuan dibicarakan merayu kepada alasan rayuan yang lain selain daripada alasan yang dinyatakan di dalam rayuan itu.

Rekod rayuan.

145. (1) Jika perayu telah memenuhi kehendak bab-bab 142 dan 144, atau Mahkamah telah membenarkan perayu merayu sebagai orang miskin, Mahkamah hendaklah menyediakan salinan rekod rayuan yang mencukupi dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan —

(a) pliding;

(b) nota keterangan;

(c) perintah Mahkamah termeterai;

(d) alasan penghakiman;

(e) notis rayuan;

(f) petisyen rayuan;

(g) semua eksibit dokumen; dan

(h) senarai eksibit bukan dokumen, jika ada, yang dikemukakan di Mahkamah.

(2) Sebaik sahaja rekod rayuan telah siap, Mahkamah itu hendaklah memaklumkan kepada perayu dan menyatakan tentang kos penyediaan rekod tersebut.

Permohonan penggantungan pelaksanaan.

146. Pemfailan suatu notis rayuan hendaklah tidak berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan dan atas sebab-sebab yang mencukupi yang dikemukakan, menggantung pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Alasan penghakiman secara bertulis.

147. Mahkamah yang mendengar rayuan hendaklah menyatakan alasan penghakimannya secara bertulis.

Pelaksanaan selepas rayuan.

148. Apabila salah satu pihak telah mendapatkan perintah Mahkamah yang membicarakan rayuan itu dan telah mengemukakan perintah itu kepada Mahkamah yang terhadapnya rayuan dibuat, Mahkamah yang terhadapnya

rayuan itu dibuat hendaklah melaksanakan perintah itu mengikut peruntukan Perintah ini.

BAHAGIAN XVIII

PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN

Penggal XIII

Am

Kewajipan mematuhi.

149. (1) Tiap-tiap orang yang diarahkan oleh mana-mana penghakiman supaya melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan hendaklah mematuhi, dan tidaklah perlu disampaikan penghakiman itu atau apa-apa notis mengenainya kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam cerai (3) bab 138.

(2) *Madin* penghakiman hendaklah, dari masa ke semasa memberitahu Mahkamah alamat tempat tinggalnya yang terkini dan kegagalan mematuhi kehendak cerai ini hendaklah disifatkan sebagai penghinaan terhadap Mahkamah.

Penggal XIV

Penguatkuasaan

Cara penguatkuasaan.

150. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang, selain penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah, bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut —

(a) perintah penyitaan dan penjualan;

(b) prosiding garnisi;

(c) dalam hal di mana bab 153 terpakai, suatu perintah pengkomitan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah boleh dikuatkuasakan, dalam hal di mana bab 153 terpakai, melalui suatu perintah pengkomitan.

(3) Ceraian (1) dan (2) tidaklah menjejaskan apa-apa remedi lain yang terdapat bagi menguatkuasakan sesuatu penghakiman atau perintah sebagaimana yang disebut dalamnya, atau kepada kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan ke penjara seseorang yang ingkar membayar wang yang telah dihakimkan atau diperintahkan supaya dibayar olehnya.

Penguatkuasaan penghakiman bagi pemilikan harta tak alih.

151. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pemberian pemilikan harta tak alih bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut —

(a) perintah pemilikan;

(b) dalam hal di mana bab 153 terpakai, suatu perintah pengkomitan.

(2) Suatu permohonan di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat secara *ex-parte* dalam Borang MS 33 dan disokong dengan affidavit, dan perintah itu tidak boleh diberikan melainkan telah ditunjukkan bahawa tiap-tiap orang yang mempunyai milikan sebenar keseluruhan atau mana-mana bahagian harta tak alih itu telah menerima notis prosiding itu sebagaimana yang didapati mencukupi oleh Mahkamah untuk membolehkannya memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa relief yang dia mungkin berhak.

(3) Suatu perintah pemilikan boleh mengandungi peruntukan bagi penguatkuasaan pembayaran apa-apa wang yang dihakimkan atau diperintahkan supaya dibayar menurut penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan itu.

Penguatkuasaan penghakiman bagi penghantarserahan harta alih.

152. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi penghantarserahan apa-apa harta alih yang tidak memberi alternatif kepada seseorang yang terhadapnya penghakiman itu diberi atau perintah itu dibuat bagi membayar nilai harta yang telah ditaksir itu, bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut —

(a) perintah penghantarserahan untuk mendapatkan kembali harta itu tanpa peruntukan alternatif bagi mendapatkan kembali nilai harta yang telah ditaksir itu (selepas ini disebut sebagai "perintah penghantarserahan khusus");

(b) dalam hal di mana bab 153 terpakai, suatu perintah pengkomitan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, suatu penghakiman atau perintah penghantarserahan apa-apa harta alih atau pembayaran nilai harta yang telah ditaksir itu bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut —

(a) perintah penghantarserahan untuk mendapatkan kembali harta itu atau nilai taksirannya;

(b) dalam hal di mana bab 153 terpakai, suatu perintah pengkomitan.

(3) Suatu perintah penghantarserahan khusus, dan suatu perintah penghantarserahan untuk mendapatkan kembali apa-apa harta alih atau nilai taksirannya, boleh mengandungi peruntukan bagi penguatkuasaan pembayaran apa-apa wang yang dihakimkan atau diperintahkan supaya dibayar menurut penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan oleh perintah itu.

(4) Suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran nilai taksiran apa-apa harta alih boleh dikuatkuasakan melalui cara yang sama seperti mana-mana penghakiman atau perintah lain bagi pembayaran wang.

Penguatkuasaan penghakiman untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan.

153. (1) Jika —

(a) seseorang yang dikehendaki oleh suatu penghakiman atau perintah supaya melakukan sesuatu perbuatan dalam masa yang dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu enggan atau abai melakukannya dalam masa itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa yang dilanjutkan atau dipendekkan di bawah bab 229; atau

(b) seseorang mengingkari suatu penghakiman atau perintah yang menghendakinya supaya tidak melakukan sesuatu perbuatan,

maka, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, penghakiman atau perintah itu bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada satu cara yang berikut, iaitu —

(i) dengan kebenaran Mahkamah, perintah pengkomitan;

(ii) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, dengan kebenaran Mahkamah, perintah pengkomitan terhadap mana-mana pengarah atau pegawai lain pertubuhan itu.

(2) Jika suatu penghakiman atau perintah menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan dalam masa yang dinyatakan di dalamnya atau suatu perintah dibuat kemudiannya di bawah bab 154 yang menghendaki

perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa yang lain, maka sebutan dalam cerai (1) mengenai sesuatu penghakiman atau perintah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada perintah yang dibuat di bawah bab 154.

(3) Jika di bawah apa-apa penghakiman atau perintah yang menghendaki pengantaraan apa-apa harta alih, orang yang bertanggung kepada pelaksanaan mempunyai alternatif untuk membayar nilai harta yang telah ditaksir itu, dan penghakiman atau perintah itu tidaklah boleh dikuatkuasakan melalui suatu perintah pengkomitan di bawah cerai (1), tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu, membuat suatu perintah menghendaki orang yang mula-mula disebut itu mengantarkan harta itu kepada pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, dan perintah itu bolehlah dikuatkuasakan sedemikian.

(4) Permohonan di bawah cerai (3) hendaklah dibuat secara *ex-parte* dalam Borang MS 33 dan disokong dengan affidavit. Perintah pengantaraan hendaklah disampaikan kepada orang yang terhadapnya penghakiman itu hendak dikuatkuasakan.

Kuasa Mahkamah menetapkan masa.

154. (1) Dengan tidak menghiraukan suatu penghakiman atau perintah menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan menyatakan masa perbuatan itu hendaklah dilakukan, Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut, membuat suatu perintah yang menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa yang lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam perintah itu.

(2) Jika suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan tidak menyatakan masa dalam mana perbuatan itu hendaklah dilakukan, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa kemudiannya untuk membuat suatu perintah yang menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa yang lain sebagaimana yang dinyatakan di dalam perintah itu.

(3) Permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah bab ini hendaklah dibuat dalam Borang MS 34 dan suatu salinan permohonan itu hendaklah, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan lain dalam Perintah ini, disampaikan kepada orang yang dikehendaki melakukan perbuatan itu di bawah perintah tersebut.

Pelaksanaan oleh atau terhadap orang yang bukan pihak.

155. (1) Mana-mana orang, yang bukan suatu pihak dalam sesuatu kausa atau perkara, yang mendapat apa-apa perintah atau yang bagi faedahnya apa-apa perintah dibuat, adalah berhak menguatkuasakan pematuhan kepada perintah itu

melalui proses yang sama seolah-olah dia adalah suatu pihak dalam kausa atau perkara itu.

(2) Mana-mana orang, yang bukan suatu pihak dalam sesuatu kausa atau perkara, yang terhadapnya pematuhan kepada mana-mana penghakiman atau perintah boleh dikuatkuasakan, boleh dikenakan proses yang sama bagi menguatkuasakan pematuhan kepada penghakiman atau perintah itu seolah-olah dia adalah suatu pihak dalam kausa atau perkara itu.

Penggal XV

Pelaksanaan

Tafsiran.

156. Di dalam Penggal ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, "perintah pelaksanaan" termasuklah perintah penyitaan, perintah penjualan dan perintah penghantaran serahan.

Kebenaran Mahkamah untuk pelaksanaan.

157. (1) Perintah pelaksanaan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah —

(a) jika penghakiman atau perintah itu adalah tertakluk kepada apa-apa syarat atau kontingensi;

(b) pada bila-bila masa lebih daripada 6 tahun dari tarikh penghakiman atau perintah itu;

(c) jika apa-apa perubahan telah berlaku oleh sebab kematian, penyerahan hak atau selainya kepada pihak-pihak yang berhak atau bertanggungjawab untuk pelaksanaan di bawah penghakiman atau perintah itu;

(d) jika *da'in* penghakiman ingin menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu terhadap mana-mana orang selain daripada *madin* penghakiman yang dinamakan di dalam penghakiman atau perintah itu;

(e) jika perintah pengkomitan masih berkuatkuasa;

(f) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam cerai (2) bab 137, jika suatu perintah bagi pembayaran secara ansuran masih berkuatkuasa; atau

(g) jika pelaksanaan telah digantungkan oleh Mahkamah.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan boleh dibuat secara *ex-parte* dalam Borang MS 35 dan hendaklah menyatakan cara pelaksanaan yang dipohon itu, tetapi Mahkamah boleh menghendaki penyampaian permohonan itu ke atas mana-mana pihak atau orang tertentu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Mahkamah, jika berpuas hati bahawa kebenaran dan cara yang dinyatakan itu adalah teratur, hendaklah membenarkan permohonan itu.

Pengeluaran perintah pelaksanaan atau notis garnisi.

158. Dengan kebenaran yang diberikan dan dalam cara pelaksanaan yang dinyatakan dalam cerai (2) bab 157, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada bailif suatu perintah pelaksanaan dalam Borang MS 36, dan jika pelaksanaan itu melalui prosiding garnisi suatu notis garnisi dalam Borang MS 38, untuk pelaksanaan oleh bailif.

Pengesahan masa penerimaan.

159. Bailif hendaklah mengesahkan dalam mana-mana perintah pelaksanaan tarikh dan masa penerimaannya.

Perbelanjaan pelaksanaan dilevi.

160. Semua perbelanjaan pelaksanaan hendaklah dilevikan sebagai tambahan kepada hutang penghakiman.

Penunaian.

161. Jika Mahkamah berpuas hati bahawa suatu penghakiman terhadap seseorang *madin* penghakiman telah ditunaikan, Mahkamah boleh, atas permohonan *madin* penghakiman itu, mencatatkan dalam Buku Daftar Tindakan Mal bahawa penghakiman itu telah ditunaikan.

Jenis pelaksanaan.

162. (1) Suatu perintah pelaksanaan boleh mengarahkan bailif supaya mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan-tindakan yang berikut —

(a) melevikan apa-apa jumlah wang yang hendaklah didapatkan dengan menyita dan menjual harta tak alih *madin* penghakiman itu;

(b) menahan harta alih kepunyaan *madin* penghakiman itu yang berada dalam milikan atau kawalan pihak ketiga (selepas ini dipanggil "garnisi") atau hutang yang kena dibayar oleh garnisi kepada *madin* penghakiman;

(c) menyita dan menghantARSERAHKAN kepada *da'in* penghakiman apa-apa barang yang diperintahkan supaya dihantARSERAHKAN oleh *madin* penghakiman;

(d) menahan pendapatan *madin* penghakiman.

(2) Tiap-tiap perintah pelaksanaan hendaklah —

(a) menyatakan dengan cara mana yang dinyatakan di bawah ceraiian (1) pelaksanaan itu akan dilakukan; dan

(b) menyatakan secara khusus perihal harta yang terhadAPNYA perintah itu berkaitan.

(3) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana *da'in* penghakiman, mengeluarkan suatu perintah pelaksanaan lanjutan mengenai harta yang lain atau cara pelaksanaan lain daripada yang dinyatakan dalam perintah pelaksanaan yang sedang berkuatkuasa.

Penyitaan dan penjualan.

163. Peruntukan-peruntukan berikut hendaklah terpakai apabila suatu pelaksanaan diperintahkan dengan penyitaan dan penjualan mana-mana harta —

(a) bailif hendaklah —

(i) tertakluk sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini, mengambil harta itu dan meletakkan di bawah jagaannya;

(ii) jika harta itu terdiri daripada saham, stok, debentur atau bon yang tidak boleh dipindahkan melalui penghantARSERAHAN, dalam mana-mana pinjaman atau kumpulanwang, menyampaikan kepada pihak berkuasa yang berkenaan dan *madin* penghakiman suatu salinan perintah bagi pelaksanaan dalam Borang MS 37 bersama dengan butir-butir yang mencukupi mengenai saham, stok, debentur atau bon yang disita itu;

(b) selepas harta itu disita, apa-apa pindahmilik atau pelupusan harta itu, kecuali dengan kebenaran Mahkamah, hendaklah terbatal;

(c) pada bila-bila masa sebelum penjualan, *da'in* penghakiman boleh meminta bailif supaya melepaskan mana-mana harta yang dinyatakan dan pelepasan tersebut tidak boleh disifatkan sebagai pengguguran keseluruhan pelaksanaan itu;

(d) pada bila-bila masa sebelum penjualan, *da'in* penghakiman boleh menggugurkan pelaksanaan itu, dan bailif hendaklah selepas itu mengembalikan perintah pelaksanaan itu kepada Mahkamah;

(e) bailif hendaklah, melainkan harta yang disita itu merupakan wang, meneruskan penjualannya mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini;

(f) bailif hendaklah, selepas daripada pelaksanaan, membuat satu penyata mengenai pelaksanaan itu dan mengemukakannya kepada Pendaftar.

Garnismen.

164. (1) Dalam bab ini, "harta" termasuklah hutang yang kena dibayar oleh garnisi kepada *madin* penghakiman.

(2) Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah terpakai jika pelaksanaan diperintahkan dengan menahan harta yang berada dalam milikan atau kawalan garnisi —

(a) bailif hendaklah menyampaikan kepada garnisi notis garnismen dalam Borang MS 38, dengan syarat bahawa, jika harta itu berada dalam Mahkamah, notis dalam Borang MS 39 hendaklah digunakan;

(b) semua harta yang dinyatakan dalam notis garnismen hendaklah ditahan setakat atau pada nilai yang disebut dalam notis itu, dan apa-apa pindahmilik atau pelupusan harta itu yang bertentangan dengan terma-terma notis itu, melainkan dengan kebenaran Mahkamah, adalah tidak sah terhadap bailif dan *da'in* penghakiman, dan perbuatan tersebut adalah suatu penghinaan Mahkamah;

(c) garnisi boleh membayar kepada bailif jumlah yang dituntut atau menghantarserahkan kepadanya harta yang ditahan;

(d) jika garnisi mempertikaikan liabiliti membayar hutang yang kena dibayar atau terakru kena dibayar, dia hendaklah memfailkan notis bantahan dalam Borang MS 40 kepada Pendaftar yang hendaklah kemudiannya mengarahkan bailif untuk menyampaikan suatu saman garnismen dalam Borang MS 41 dan Mahkamah hendaklah memeriksa garnisi mengenai harta yang ditahan itu:

Dengan syarat bahawa —

- (i) tiada saman boleh dikeluarkan terhadap pegawai awam mengenai wang atau harta dalam milikannya, melainkan dengan kebenaran Mahkamah atau dengan persetujuan secara bertulis yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis;
- (ii) tiada saman boleh dikeluarkan dalam hal wang, kumpulan-wang yang dilaburkan atau harta dalam mana-mana Mahkamah;

(e) Mahkamah boleh mendengar keterangan lain mengenai mana-mana saman garnismen;

(f) selepas mendengar saman itu, Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi pembayaran atau penghantarserahan dan boleh memerintahkan pelaksanaan dikeluarkan terhadap garnisi mengenai mana-mana harta yang didapati ditahan dengan sah olehnya, seolah-olah garnisi itu adalah *madin* penghakiman bagi jumlah yang dituntut terhadap *madin* penghakiman yang asal, atau bagi jumlah atau nilai harta yang ada pada garnisi, mengikut mana yang lebih rendah;

(g) Mahkamah boleh —

- (i) memerintahkan kos terhadap garnisi dan boleh membenarkan atau tidak membenarkan garnisi menuntut kos itu kemudiannya daripada *madin* penghakiman;
- (ii) membenarkan kos kepada garnisi terhadap *da'in* penghakiman dan boleh atau tidak memberikan kebenaran untuk menjadikan kos itu sebagai kos pelaksanaan;

(h) jika suatu hutang yang kena dibayar secara ansuran ditahan, garnisi hendaklah tidak bertanggung untuk membuat bayaran kecuali mengikut perintah bagi ansuran itu;

(i) pembayaran oleh garnisi di bawah bab ini hendaklah menjadi pelepasan yang sah terhadap *madin* penghakiman;

(j) bailif boleh, atas permintaan *da'in* penghakiman dan hendaklah, jika diperintah sedemikian oleh Mahkamah, menarik balik mana-mana notis atau saman garnismen;

(k) suatu notis garnismen hendaklah disifatkan telah digugurkan 3 bulan selepas penyampaian, melainkan prosiding di bawah saman garnismen masih belum selesai atau Mahkamah memerintahkan selainnya.

Wang dan harta dalam Mahkamah.

165. Wang, kumpulan wang yang dilaburkan atau harta lain *madin* penghakiman dalam atau di bawah kawalan Mahkamah yang memberikan penghakiman itu boleh, jika suatu perintah bagi pelaksanaan telah dibuat, digunakan dengan kebenaran Mahkamah untuk menunaikan hutang penghakiman itu, dan pelaburan serta harta selain wang boleh diperintahkan supaya dijual untuk tujuan itu.

Penyitaan dan penghantarserahan.

166. Apabila pelaksanaan secara penyitaan dan penghantarserahan sesuatu barang diperintahkan —

(a) bailif hendaklah menyita barang itu dan setelah dibayar semua bayaran pelaksanaan atau lain-lain perbelanjaan yang kena dibayar, menghantarserahkannya kepada *da'in* penghakiman;

(b) perintah pelaksanaan itu boleh, jika dikehendaki oleh *da'in* penghakiman, memerintahkan bahawa jika barang itu tidak dapat dikesan, melevikan nilainya seperti yang terdapat dalam penghakiman asal itu atau atas permohonan kemudiannya kepada Mahkamah;

(c) perintah di bawah perenggan (b) hendaklah tidak menghalang apa-apa prosiding bagi pengkomitan.

Deposit perbelanjaan.

167. Bailif tidaklah diwajibkan mengambil apa-apa tindakan di bawah suatu perintah pelaksanaan sehingga *da'in* penghakiman telah mendepositkan sejumlah wang yang pada pendapat bailif mencukupi untuk membayar apa-apa perbelanjaan pelaksanaan, termasuk perbelanjaan menyimpan milikan apa-apa harta selama tempoh tidak melebihi 14 hari, dan jika ia melebihi 14 hari, bailif boleh menghendaki supaya deposit tambahan dibayar dan jika deposit itu tidak dibayar dia boleh melepaskan harta itu.

Pecah masuk dengan kebenaran Mahkamah.

168. Bailif tidak boleh memecah masuk ke dalam mana-mana rumah atau premis kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Resit dan akaun.

169. (1) Bailif hendaklah mengeluarkan resit bagi tiap-tiap jumlah wang yang diterimanya.

(2) Bailif hendaklah menyimpan suatu akaun semua wang yang didepositkan kepadanya.

Penggunaan hasil jualan.

170. Bailif hendaklah menggunakan semua wang yang dilevi atau diterimanya melalui pelaksanaan mengikut susunan berikut —

(a) perbelanjaan pelaksanaan;

(b) pengembalian deposit *da'in* penghakiman yang tidak digunakan;

(c) jika hal itu termasuk dalam Bahagian XIX, pembayaran ke dalam Mahkamah hendaklah diperlakukan mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian itu;

(d) jika hal itu tidak termasuk dalam Bahagian XIX, pembayaran ke dalam Mahkamah untuk kredit *da'in* penghakiman, yang tidak melebihi jumlah yang diperlukan bagi menunaikan penghakiman yang berkenaan dengannya pelaksanaan itu dikeluarkan dan kos pelaksanaan; dan

(e) bakinya untuk *madin* penghakiman.

Perbelanjaan.

171. Jika hasil pelaksanaan tidak mencukupi untuk membayar perbelanjaan pelaksanaan itu, *da'in* penghakiman hendaklah menjelaskan perbezaan itu, tetapi dia boleh menuntunya daripada *madin* penghakiman.

Penyata perintah pelaksanaan.

172. (1) Bailif hendaklah membuat penyata dalam Borang MS 42 mengenai tiap-tiap perintah pelaksanaan sebaik sahaja dia menyempurnakan pelaksanaan itu kepada Pendaftar dan hendaklah menyerahkan satu salinan penyata itu kepada *da'in* penghakiman dan *madin* penghakiman.

(2) *Da'in* penghakiman berhak memeriksa dan menyalin mana-mana inventori harta, akaun penjualan, baucar atau dokumen lain yang berhubungan dengan pelaksanaan itu yang disimpan atau disenggarakan oleh bailif.

Senarai inventori.

173. Jika apa-apa harta disita dan dipindahkan dari tempat asalnya, bailif hendaklah memberi kepada orang yang dalam jagaannya harta itu berada suatu inventori yang mencukupi bagi harta itu.

Arahan tentang pelaksanaan tugas bailif.

174. (1) Mahkamah boleh atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, memberi apa-apa arahan kepada bailif mengenai pelaksanaan tugasnya sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(2) Mahkamah boleh mengeluarkan saman untuk hadir dan memeriksa mana-mana orang yang boleh memberi maklumat berkaitan dengan mana-mana pelaksanaan.

Penyampaian kepada bailif.

175. Apa-apa dokumen yang dikehendaki diserahkan, atau disampaikan kepada bailif, bolehlah disampaikan kepada Pendaftar pada waktu pejabat.

Pembayaran daripada Mahkamah.

176. Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa jumlah wang yang dibayar ke dalam Mahkamah oleh bailif untuk dikreditkan kepada mana-mana orang hendaklah, atas permohonannya, dibayar keluar dari Mahkamah kepadanya tanpa apa-apa perintah:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh atas budibicaranya dalam mana-mana hal dan hendaklah, jika dia mendapat notis bahawa ada mana-mana orang lain menuntut jumlah wang berkenaan atau sebahagian daripadanya, menghendaki pemohon itu supaya mendapatkan perintah Mahkamah sebelum membuat pembayaran.

Penjualan.

177. Apabila mana-mana harta dijual semasa menjalankan pelaksanaan —

(a) penjualan itu hendaklah diadakan di antara jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang;

(b) penjualan itu hendaklah, tertakluk kepada perenggan (f), secara lelongan awam tanpa ditetapkan harga dan tiap-tiap jualan hendaklah dibayar dengan wang tunai sebelum tamatnya lelongan itu, dan tiada orang yang bertugas melaksanakan lelongan itu boleh menawar atau sebaliknya secara langsung atau tidak langsung memperolehi atau cuba memperolehi apa-apa kepentingan dalam harta yang dijual itu. *Da'in* penghakiman boleh menawar, kecuali Mahkamah memerintahkan sebaliknya, dan dengan izin Mahkamah terlebih dahulu wang jualan itu dan jumlah yang dihakimi boleh ditolak kira di antara satu dengan lain, dan penghakiman itu

hendaklah disifatkan sebagai telah dijelaskan sepenuhnya atau pada takat itu sewajarnya;

(c) notis dalam Borang MS 43 mengenai tarikh, jam dan tempat penjualan dan harta yang hendak dijual hendaklah ditampalkan di Mahkamah dan di tempat jualan tidak kurang dari 7 hari sebelum jualan;

(d) suratcara boleh niaga dan lain-lain sekuriti boleh dijual tanpa lelongan melalui agensi broker saham dan broker syer yang diakui; penjualan itu tidak memerlukan izin Mahkamah;

(e) tiap-tiap penjualan itu hendaklah dilaksanakan dan disempurnakan oleh Mahkamah;

(f) dalam hal-hal yang tertentu Mahkamah, jika mempunyai alasan yang cukup boleh memerintahkan penjualan dibuat dengan cara yang lain.

Penggal XVI

Peruntukan-Peruntukan Khas Saman *Madin* Penghakiman

Pemakaian.

178. (1) Kecuali diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, Penggal ini hendaklah terpakai bagi pelaksanaan penghakiman untuk pembayaran wang.

(2) Dalam Penggal ini "penghakiman" termasuklah apa-apa perintah bagi pembayaran wang.

Permohonan bagi mendapatkan saman *madin* penghakiman.

179. (1) Jika suatu penghakiman Mahkamah adalah bagi mendapatkan kembali atau pembayaran wang, *da'in* penghakiman yang berhak menguatkuasakan penghakiman itu boleh menghendaki *madin* penghakiman yang bertanggung di bawah penghakiman itu hadir di Mahkamah untuk diperiksa secara lisan tentang keupayaannya membayar atau menyelesaikan hutang penghakiman itu dan bagi mendapatkan harta untuk digunakan bagi membayar atau menyelesaikan hutang tersebut.

(2) Suatu permohonan menghendaki kehadiran *madin* penghakiman di bawah cerai (1) hendaklah dibuat dengan memfailkan permohonan dalam Borang MS 44 yang ditandatangani oleh pemohon atau Peguam Syar'ienya.

(3) Jika suatu penghakiman telah diberikan terhadap dua orang atau lebih, *da'in* penghakiman boleh menghendaki suatu saman *madin* penghakiman dikeluarkan terhadap setiap atau mana-mana orang yang bertanggung di bawah penghakiman itu.

Pengeluaran saman *madin* penghakiman.

180. (1) Apabila menerima permohonan di bawah bab 179, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman *madin* penghakiman dalam Borang MS 45, dengan syarat bahawa jika *madin* penghakiman itu adalah sebuah perbadanan, suatu saman dalam Borang MS 46 hendaklah digunakan.

(2) Suatu saman *madin* penghakiman hendaklah disampaikan kepada *madin* penghakiman sekurang-kurangnya 7 hari sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraannya.

Pemeriksaan *madin* penghakiman.

181. (1) Pada hari yang ditetapkan bagi perbicaraan saman *madin* penghakiman, Mahkamah boleh memeriksa *madin* penghakiman dan saksi-saksi lain dengan affidavit.

(2) Jika *madin* penghakiman itu tidak hadir pada hari yang ditetapkan bagi pendengaran saman itu, Mahkamah boleh —

(a) memerintahkan supaya dia ditangkap dan dibawa ke hadapan Mahkamah untuk diperiksa; atau

(b) membuat suatu perintah di bawah cerai (3) terhadap *madin* penghakiman itu.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan *madin* penghakiman itu membayar hutang penghakiman itu sama ada —

(a) sekaligus dengan serta merta atau dalam suatu masa yang ditetapkan oleh Mahkamah; atau

(b) dengan apa-apa ansuran yang kena dibayar dalam suatu tempoh yang boleh ditetapkan oleh Mahkamah.

Permohonan notis penghakiman.

182. (1) Jika *madin* penghakiman ingkar mematuhi apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah terhadapnya di bawah bab 181, *da'in* penghakiman boleh, melalui notis penghakiman, menghendaki *madin* penghakiman itu hadir di

Mahkamah untuk tunjuk sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara kerana keingkarannya tersebut.

(2) Permohonan untuk mendapatkan notis penghakiman di bawah cerai (1) hendaklah dibuat oleh pemohon dalam Borang MS 47.

Pengeluaran notis penghakiman.

183. (1) Jika Mahkamah menerima permohonan di bawah bab 182, Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu notis penghakiman dalam Borang MS 48.

(2) Kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu notis penghakiman hendaklah disampaikan kepada diri *madin* penghakiman sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk kehadiran *madin* penghakiman itu.

Perbicaraan notis penghakiman.

184. (1) Mahkamah, setelah membicarakan *madin* penghakiman yang hadir mengikut notis penghakiman di bawah bab 182 atau di bawah suatu perintah untuk menangkap, boleh membuat suatu perintah pengkomitan bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 hari atau mengubah perintah dalam bab 181 sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Apabila suatu perintah pengkomitan dibuat, Mahkamah boleh memerintahkan supaya pelaksanaan perintah itu digantung dengan atau tanpa syarat untuk membolehkan *madin* penghakiman membayar jumlah yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat.

Perintah pengkomitan.

185. Suatu perintah pengkomitan di bawah bab 184 hendaklah dalam Borang MS 49.

Pembayaran oleh *madin* penghakiman.

186. Jika suatu perintah pengkomitan dibuat di bawah bab 184, *madin* penghakiman boleh, pada bila-bila masa, sama ada membayar jumlah yang dinyatakan dalam perintah itu kepada bailif atau, jika *madin* penghakiman berada di dalam penjara, kepada Pegawai Yang Menjaga Penjara, dan pembayaran itu hendaklah menjadi pelepasan baginya.

Perakuan penunaian hutang.

187. (1) Jika apa-apa hutang penghakiman yang berkenaan dengannya *madin* penghakiman dikomitkan ke penjara di bawah bab 184 dijelaskan melalui pembayaran atau selainnya, *da'in* penghakiman hendaklah memfailkan kepada Pendaftar suatu perakuan penjelasan hutang yang ditandatangani dalam Borang MS 50.

(2) Jika *da'in* penghakiman gagal memfailkan perakuan seperti yang disebutkan dalam cerai (1), *madin* penghakiman atau mana-mana orang bagi pihaknya boleh memohon kepada Mahkamah suatu perintah bagi pelepasannya dan Mahkamah dalam membuat perintah tersebut hendaklah mengarahkan kos bagi permohonan itu dibayar oleh *da'in* penghakiman.

(3) Suatu perintah di bawah cerai (2) hendaklah dalam Borang MS 51.

Tarikh perintah pengkomitan.

188. Apa-apa perintah pengkomitan *madin* penghakiman di bawah bab 184 hendaklah mengandungi tarikh perintah itu dibuat dan hendaklah berkuatkuasa selama 1 tahun dari tarikh itu.

BAHAGIAN XIX

PEMBAHAGIAN MENGIKUT KADAR

Hasil jualan dibahagikan mengikut kadar kepada semua *da'in* penghakiman.

189. (1) Jika aset dihasilkan melalui penjualan atau selainnya dalam pelaksanaan sesuatu perintah atau penghakiman, dan lebih daripada seorang telah, sebelum penghasilan itu, menahan harta yang daripadanya aset itu telah dihasilkan daripada melaksanakan perintah atau penghakiman bagi pembayaran wang terhadap *madin* penghakiman yang sama, dan yang belum ditunaikan bahagiannya, aset itu hendaklah, setelah ditolak kos penghasilannya, dibahagikan mengikut kadar di antara semua *da'in* penghakiman itu:

Dengan syarat bahawa —

(a) jika apa-apa harta dijual tertakluk kepada suatu cagaran, pemegang cagaran tidaklah berhak mendapat bahagian atas apa-apa lebih daripada hasil jualan itu;

(b) jika apa-apa harta yang boleh dijual dalam melaksanakan suatu perintah atau penghakiman tertakluk pada suatu cagaran, Mahkamah boleh dengan persetujuan pemegang cagaran tersebut, memerintahkan supaya

harta itu dijual bebas daripada cagaran itu, dengan memberi pemegang cagaran itu hak yang sama terhadap hasil jualan sebagaimana dia berhak terhadap harta yang dijual itu; dan

(c) jika suatu harta tak alih dijual dalam melaksanakan suatu perintah atau penghakiman yang memerintahkan penjualannya bagi melepaskan bebanan atas harta itu, hasil jualan itu hendaklah digunakan mengikut susunan keutamaan —

- (i) bagi menjelaskan segala perbelanjaan penjualan;
- (ii) bagi menjelaskan hutang pokok yang kena dibayar atas bebanan itu;
- (iii) bagi menjelaskan hutang pokok yang kena dibayar atas bebanan berikutnya, jika ada;
- (iv) dibahagikan mengikut kadar di antara pemegang-pemegang perintah atau penghakiman bagi pembayaran wang terhadap *madin* penghakiman yang sebelum penjualan harta tersebut telah memohon kepada Mahkamah yang membuat perintah atau penghakiman itu dan yang belum ditunaikan bahagiannya.

(2) Jika semua atau mana-mana aset yang boleh dibahagikan mengikut kadar di bawah bab ini telah dibayar kepada seseorang yang tidak berhak menerimanya, orang yang berhak kepada aset itu boleh menuntut daripada orang tersebut supaya mengembalikan aset itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam bab ini boleh menghalang atau menangguhkan apa-apa tuntutan yang sepatutnya diberi keutamaan di bawah undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN XX

PROSIDING INTERLOKUTORI DAN PERINTAH INTERIM

Penggal XVII

Prosiding Interlokutori

Cara membuat permohonan.

190. (1) Jika menurut Perintah ini suatu permohonan semasa perjalanan mana-mana prosiding, sebelum atau selepas penghakiman, secara nyata atau secara

implikasi, dibenarkan dibuat kepada Mahkamah, permohonan itu hendaklah dibuat dalam Borang MS 52 dan hendaklah, kecuali diarahkan selainnya oleh Mahkamah, didengar dalam Kamar.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah menyatakan jenis perintah yang dipohon secara am dan alasan-alasan permohonan itu.

(3) Permohonan di bawah Penggal ini boleh dibuat secara *ex-parte* kecuali diarahkan sebaliknya oleh Mahkamah atau diperuntukkan selainnya oleh Penggal ini.

Notis permohonan hendaklah difailkan.

191. (1) Suatu permohonan hendaklah disifatkan telah dibuat apabila notis mengenainya bersama-sama permohonan telah difailkan dan dimeterai oleh Mahkamah.

(2) Suatu permohonan tidak boleh dipinda selepas difailkan tanpa kebenaran Mahkamah.

Penyampaian permohonan.

192. Suatu permohonan untuk melanjutkan atau memendekkan apa-apa tempoh masa boleh disampaikan pada hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi perbicaraannya tetapi, kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu dan kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah atau diperuntukkan selainnya oleh Perintah ini, suatu permohonan hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap pihak lain tidak kurang dari 2 hari genap sebelum tarikh perbicaraan itu.

Afidavit.

193. (1) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan afidavit.

(2) Mana-mana pihak —

(a) yang memfailkan afidavit yang dicadangkan hendak digunakan olehnya dalam mana-mana prosiding berhubung dengan permohonan itu; atau

(b) yang bercadang untuk menggunakan dalam mana-mana prosiding itu apa-apa afidavit yang difailkan olehnya dalam prosiding yang terdahulu,

hendaklah memberi notis kepada tiap-tiap pihak lain tentang pemfailan itu atau mengikut mana-mana yang berkenaan tentang cadangannya hendak berbuat demikian, kecuali diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

Salinan dokumen.

194. Salinan asal apa-apa dokumen yang hendak digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding berhubung dengan sesuatu permohonan hendaklah, jika dokumen itu boleh didapati, dibawa masuk, dan salinan bagi mana-mana dokumen itu atau mana-mana bahagian dokumen itu hendaklah dibekalkan bagi kegunaan Mahkamah atau diberikan kepada pihak-pihak lain dalam prosiding itu.

Penangguhan.

195. (1) Perbicaraan suatu permohonan boleh ditangguhkan dari masa ke semasa, secara am atau kepada suatu tarikh tertentu, mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Jika perbicaraan itu ditangguhkan secara am, pemohon boleh memasukkannya semula dengan memberi notis 2 hari genap sebelum tarikh yang ditetapkan bagi perbicaraan kepada semua pihak lain yang kepada mereka permohonan itu telah disampaikan.

Ketidakhadiran pihak-pihak.

196. (1) Jika mana-mana pihak dalam suatu permohonan gagal untuk hadir pada hari perbicaraan permohonannya, Mahkamah boleh membatalkan permohonan itu.

(2) Jika mana-mana pihak dalam suatu permohonan gagal untuk hadir di perbicaraan pertama atau mana-mana perbicaraan sambungannya dan Mahkamah berpendapat adalah wajar diteruskan perbicaraan itu tanpa kehadiran mana-mana pihak, Mahkamah bolehlah berbuat demikian.

(3) Sebelum meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran mana-mana pihak, Mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa permohonan itu atau notis tentang masa yang ditetapkan bagi perbicaraan sambungan telah disampaikan dengan sempurnanya kepada pihak yang berkenaan itu.

(4) Jika permohonan telah dibatalkan tanpa perbicaraan oleh sebab pemohon gagal hadir, Mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa adalah adil berbuat demikian, membenarkan permohonan itu dimasukkan semula.

(5) Jika Mahkamah yang membicarakan permohonan meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran suatu pihak, maka, dengan syarat bahawa mana-mana perintah yang dibuat di perbicaraan itu belum lagi disempurnakan, Mahkamah, jika berpuas hati bahawa adalah adil berbuat demikian, boleh membicarakan semula permohonan itu.

Perintah *ex-parte* boleh diketepikan.

197. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada apa-apa kausa atau perkara, mengenyepikan suatu perintah yang dibuat secara *ex-parte* di bawah Penggal ini.

(2) Bagi maksud cerai (1) sesuatu permohonan hendaklah dibuat dalam masa 14 hari dari tarikh perintah itu dan hendaklah dibicarakan secara *inter-parte*.

Permohonan dalam prosiding secara lisan.

198. Mahkamah boleh, mengikut budibicaranya, semasa perbicaraan sesuatu permohonan di bawah Penggal ini, membenarkan apa-apa permohonan yang berbangkit di dalamnya dibuat secara lisan.

Penggal XVIII

Perintah Interim dan Lain-lain

Kuasa Mahkamah untuk memberikan perintah interim.

199. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Penggal ini, Mahkamah hendaklah, mengikut budibicaranya, mempunyai kuasa untuk memberikan apa-apa perintah interim atas apa-apa terma yang difikirkannya patut dan boleh memberikan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan perintah interim hendaklah dibuat dalam Borang MS 53 dan disokong dengan affidavit.

Perintah penahanan, penjagaan atau pemeliharaan.

200. (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara, Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi penahanan, penjagaan atau pemeliharaan mana-mana harta yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu, atau yang tentangnya apa-apa soalan yang mungkin berbangkit di dalamnya, atau bagi pemeriksaan mana-mana harta tersebut dalam milikan suatu pihak dalam kausa atau perkara itu.

(2) Bagi maksud membolehkan apa-apa perintah di bawah cerai (1) dilaksanakan, Mahkamah boleh melalui perintah itu memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memasuki mana-mana harta tak alih dalam milikan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Jika dalam sesuatu kausa atau perkara hak mana-mana pihak kepada suatu kumpulanwang tertentu adalah dipertikaikan, Mahkamah boleh, atas permohonan suatu pihak kepada kausa atau perkara itu, memerintahkan supaya kumpulanwang itu dibayar ke dalam Mahkamah atau selainnya dijamin.

Injunksi.

201. (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam sesuatu kausa atau perkara sebelum atau selepas perbicaraan kausa atau perkara itu, Mahkamah boleh memberi suatu injunksi sama ada atau tidak tuntutan untuk mendapatkan injunksi itu telah dimasukkan dalam saman atau tuntutan balas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan di bawah bab ini tidak boleh dibuat sebelum tindakan dimulakan kecuali dalam keadaan yang mendesak.

(3) Dalam keadaan yang mendesak, permohonan itu boleh dibuat secara *ex-parte* yang disokong dengan affidavit dan affidavit itu hendaklah mengandungi pernyataan yang jelas dan ringkas —

(a) fakta-fakta yang menjadi punca tuntutan terhadap defendan dalam prosiding itu;

(b) fakta-fakta yang menjadi punca tuntutan bagi mendapatkan injunksi itu;

(c) fakta-fakta yang menjadi sandaran bagi mewajarkan permohonan *ex-parte*, termasuk butir apa-apa notis yang diberikan kepada defendan atau, jika tiada notis diberikan, sebab-sebab tidak berbuat demikian;

(d) apa-apa jawapan yang ditegaskan oleh defendan, atau yang difikirkan mungkin akan ditegaskan oleh defendan sama ada kepada tuntutan dalam tindakan itu atau kepada tuntutan bagi injunksi itu;

(e) apa-apa fakta yang diketahui oleh pemohon yang mungkin menyebabkan Mahkamah tidak memberikan injunksi *ex-parte*;

(f) sama ada apa-apa permohonan *ex-parte* seumpamanya terdahulu pernah dibuat kepada mana-mana Hakim dan, jika demikian, perintah yang dibuat dalam permohonan terdahulu itu; dan

(g) relief yang dipohon.

(4) Dengan tidak menghiraukan cerai-ceraian (1) dan (3), dalam mana-mana prosiding terhadap Kerajaan atau Majlis, Mahkamah tidak boleh

memberikan injunksi tetapi sebagai ganti boleh membuat suatu perintah mengisytiharkan hak pihak-pihak dalam kausa atau perkara itu.

(5) Mahkamah tidak boleh memberikan injunksi atau apa-apa perintah terhadap mana-mana pegawai Kerajaan atau Majlis jika kesan injunksi atau perintah itu ialah untuk memberikan relief yang tidak mungkin boleh didapati oleh pemohon dalam prosiding itu terhadap Kerajaan atau Majlis.

Perintah interim *hadhanah*.

202. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, atas permohonan mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara untuk mendapatkan *hadhanah* seseorang kanak-kanak, sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa hal keadaan itu memerlukan perintah interim dibuat untuk *hadhanah* kanak-kanak itu, Mahkamah boleh membuat perintah tersebut yang hendaklah berkuatkuasa serta merta dan berterusan sehingga Mahkamah membuat keputusan berkenaan dengan kausa atau perkara itu.

(2) Permohonan di bawah bab ini tidak boleh dibuat sebelum tindakan dimulakan, kecuali dalam keadaan yang mendesak di mana kepentingan keadilan dan perlindungan pemohon atau kanak-kanak itu ternyata menghendaki campur tangan serta merta Mahkamah.

(3) Dalam keadaan yang mendesak, permohonan boleh dibuat secara *ex-parte* yang disokong dengan affidavit dan affidavit itu hendaklah mengandungi pernyataan yang jelas dan ringkas –

(a) fakta-fakta yang menjadi punca tuntutan terhadap defendan dalam prosiding itu;

(b) fakta-fakta yang menjadi punca tuntutan bagi mendapatkan perintah interim itu;

(c) fakta-fakta yang menjadi sandaran bagi mewajarkan permohonan *ex-parte* termasuk butir apa-apa notis yang diberikan kepada defendan atau, jika tiada notis diberikan, sebab tidak berbuat demikian;

(d) apa-apa fakta yang diketahui oleh pemohon yang mungkin menyebabkan Mahkamah tidak memberi perintah interim itu;

(e) sama ada apa-apa permohonan *ex-parte* seumpamanya terdahulu pernah dibuat kepada mana-mana Hakim dan jika demikian, perintah yang dibuat dalam permohonan terdahulu itu; dan

(f) relief yang dipohon.

Perintah interim nafkah.

203. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, atas permohonan mana-mana pihak yang berhak mendapat nafkah dalam apa-apa kausa atau perkara, sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa hal keadaan memerlukan dibuat suatu perintah interim tentang nafkah terhadap orang yang bertanggung mengikut *Hukum Syara'* untuk membayar nafkah, Mahkamah boleh membuat perintah tersebut yang hendaklah berkuatkuasa serta merta dan terus berkuatkuasa sehingga Mahkamah membuat keputusan berkenaan dengan kausa atau perkara itu.

(2) Jika permohonan yang disebut di bawah cerai (1) adalah bagi mendapat suatu perintah interim tentang nafkah seseorang kanak-kanak, Mahkamah tidak boleh membuat perintah tersebut melainkan ia berpuas hati bahawa bapa kanak-kanak itu atau seseorang yang bertanggung mengikut *Hukum Syara'* mempunyai kemampuan untuk membayar nafkah yang dipohon itu.

Perintah pengambilan sampel dan sebagainya.

204. (1) Jika Mahkamah fikirkan perlu atau wajar bagi maksud mendapatkan maklumat penuh atau keterangan yang mencukupi dalam mana-mana kausa atau perkara, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu, dan atas apa-apa terma, jika ada, sebagaimana yang difikirkannya adil, melalui perintah membenarkan atau menghendaki supaya diambil apa-apa sampel mana-mana harta yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu atau yang mengenainya apa-apa soalan mungkin berbangkit dalamnya, apa-apa pemerhatian yang hendak dibuat ke atas harta itu atau apa-apa ujikaji yang hendak dijalankan ke atas atau dengan harta itu.

(2) Bagi maksud membolehkan mana-mana perintah di bawah cerai (1) dilaksanakan, Mahkamah boleh melalui perintah itu memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memasuki mana-mana harta tak alih dalam milikan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Permohonan di bawah bab ini hendaklah disokong dengan affidavit.

Jualan harta dalam pertikaian.

205. Mahkamah boleh membuat perintah penjualan tanpa menyentuh apa-apa keputusan yang akan dibuat kelak atas mana-mana harta dalam pertikaian di dalam mana-mana prosiding yang —

(a) mudah rosak atau lusuh;

(b) melibatkan belanja makanan atau penyenggaraan; atau

(c) atas sebab-sebab lain patut dijual,

dengan apa-apa cara, mengikut apa-apa had dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Perintah bagi perbicaraan awal.

206. Jika semasa mendengar suatu permohonan yang dibuat sebelum perbicaraan suatu kausa atau perkara, untuk suatu perintah interim, ternyata kepada Mahkamah bahawa perkara yang dipertikaikan itu boleh diuruskan dengan lebih baik dengan mengadakan perbicaraan awal daripada menimbang keseluruhan merit kausa atau perkara itu bagi maksud permohonan tersebut, Mahkamah boleh membuat perintah dengan sewajarnya dan boleh juga membuat suatu perintah sebagaimana yang dikehendaki bagi keadilan kes itu sebelum perbicaraan tersebut diadakan.

Mendapatkan kembali harta alih yang tertakluk kepada *lien* dan sebagainya.

207. Jika plaintif, atau defendan melalui tuntutan balas, menuntut untuk mendapatkan kembali harta alih tertentu dan pihak yang daripadanya harta itu hendak didapatkan kembali tidak mempertikaikan hakmilik pihak yang membuat tuntutan itu tetapi menuntut bahawa dia berhak memegang simpanan harta itu menurut suatu *lien* atau selainnya sebagai cagaran bagi apa-apa jumlah wang, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas tuntutan itu, jika ternyata daripada pliding, jika ada, atau melalui affidavit atau selainnya, dia berhak sedemikian hingga memuaskan hati Mahkamah, memerintahkan bahawa pihak yang hendak mendapatkan kembali harta itu adalah bebas untuk membayar ke dalam Mahkamah, bagi mematuhi keputusan tindakan itu, jumlah wang yang berkenaan dengannya cagaran itu dituntut dan apa-apa jumlah wang lain, jika ada, bagi bayaran perkhidmatan dan kos sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dan bahawa, apabila bayaran sedemikian dibuat, harta yang dituntut itu hendaklah diserahkan kepada pihak yang menuntutnya.

Perintah pembayaran pendapatan daripada harta atau serahan harta alih.

208. Jika apa-apa harta alih atau tak alih menjadi hal perkara mana-mana prosiding, dan Mahkamah berpuas hati bahawa harta itu lebih daripada mencukupi untuk menjawab semua tuntutan-tuntutan ke atasnya yang peruntukan-peruntukan baginya sepatutnya dibuat dalam prosiding itu, Mahkamah boleh pada bila-bila masa membenarkan kesemua atau sebahagian daripada pendapatan harta itu dibayar, selama suatu tempoh yang diarahkan oleh Mahkamah itu, kepada mana-mana atau semua pihak yang mempunyai kepentingan dalamnya atau memerintahkan bahawa mana-mana bahagian harta alih itu dipindahmilikkan atau dihantarserahkan kepada mana-mana atau kesemua pihak itu.

BAHAGIAN XXI

KUASA HAKIM DAN PENDAFTAR

Kuasa Pendaftar.

209. Dalam mana-mana Mahkamah, Pendaftar dalam Kamar boleh —

- (a)* menangguhkan mana-mana prosiding;
- (b)* menetapkan tarikh perbicaraan mana-mana prosiding;
- (c)* mendengar dan menentukan mana-mana permohonan untuk waran distres;
- (d)* mentadbirkan affidavit dan menerima bon;
- (e)* apabila cagaran diperintahkan supaya diberi, menentukan ia mencukupi;
- (f)* dengan persetujuan semua pihak, memerintahkan penyatuan mana-mana prosiding; dan
- (g)* menjalankan apa-apa tugas lain yang diperuntukkan di bawah Perintah ini atau apa-apa arahan Hakim.

Kuasa Hakim.

210. (1) Seorang Hakim boleh —

- (a)* menjalankan semua tugas dan kuasa yang diberi kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis;
- (b)* menjalankan tugasnya dalam Mahkamah atau dalam Kamar dalam apa-apa prosiding di dalam bidang kuasanya; dan
- (c)* mencatatkan penghakiman persetujuan pihak-pihak dalam Mahkamah.

(2) Seorang Hakim boleh menjalankan dalam Mahkamah atau dalam Kamar semua kuasa yang diberikan kepada Pendaftar.

(3) Seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang atau atas budibicaranya, mengarahkan Mahkamah Rendah Syariah supaya mendaftarkan semula apa-apa kes yang pendaftarannya telah ditolak.

(4) Ketua Hakim Syar'ie boleh, atas permohonan mana-mana pihak atau atas budibicaranya, mengarahkan mana-mana Mahkamah supaya mendaftarkan semula apa-apa kes yang pendaftarannya telah ditolak.

Rayuan terhadap perintah Pendaftar.

211. (1) Suatu rayuan boleh dibuat kepada Hakim dalam Kamar terhadap apa-apa penghakiman, perintah atau keputusan Pendaftar.

(2) Rayuan di bawah bab ini hendaklah dibuat dengan menyampaikan kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding itu yang penghakiman, perintah atau keputusan mengenainya telah diberikan suatu notis dalam Borang MS 54 dengan menyatakan alasan rayuan tersebut.

(3) Kecuali diarahkan selainnya oleh Mahkamah, notis itu hendaklah difailkan dalam masa 7 hari selepas penghakiman, perintah atau keputusan yang dirayukan itu telah diberikan atau dibuat dan disampaikan tidak kurang daripada 2 hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk perbicaraan rayuan itu.

(4) Kecuali setakat yang boleh diarahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu rayuan di bawah bab ini tidaklah boleh berkuatkuasa sebagai penggantungan prosiding dalam mana rayuan itu dibuat.

(5) Keputusan Hakim dalam Kamar adalah muktamad.

BAHAGIAN XXII

BAYARAN MAHKAMAH, KOS DAN ELAUN

Bayaran Mahkamah.

212. (1) Hendaklah diterima dan dibayar mengenai semua kausa, perkara dan prosiding di dalam Mahkamah, bayaran-bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Aturan yang dibuat di bawah bab 236:

Dengan syarat bahawa dalam prosiding oleh Majlis atau Kerajaan atau terhadap Majlis, Majlis atau Kerajaan adalah dikecualikan daripada pembayaran apa-apa bayaran Mahkamah.

(2) Bayaran Mahkamah hendaklah dibayar dengan wang tunai kecuali ditentukan selainnya oleh Ketua Hakim Syar'ie.

(3) Tiada bayaran boleh dikenakan mengenai apa-apa prosiding yang diambil oleh Mahkamah.

Kos.

213. Tertakluk kepada Perintah ini, Mahkamah hendaklah mengikut budibicaranya memberikan kos dalam prosiding yang difailkan dalam Mahkamah itu walaupun Mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa mengenai prosiding itu.

Taksiran kos.

214. (1) Kos hendaklah ditaksirkan oleh Hakim atau Pendaftar sebagaimana yang ditetapkan oleh Aturan yang dibuat di bawah bab 236.

(2) Dengan tidak menghiraukan peruntukan ceraian (1), Hakim atau Pendaftar boleh mengikut budibicaranya secara patut membenarkan kos bagi butiran-butiran yang tidak dinyatakan dalam Aturan.

Elaun saksi.

215. Jika dalam perbincaraan apa-apa prosiding, seseorang hadir di Mahkamah sebagai seorang saksi mengenai fakta, atau sebagai seorang saksi untuk mengemukakan sesuatu dokumen, atau sebagai suatu pihak dalam prosiding, dia boleh dibayar sejumlah wang sebagaimana yang ditetapkan oleh Aturan yang dibuat di bawah bab 236.

Elaun dan bayaran saksi pakar.

216. Jika dalam perbincaraan apa-apa prosiding seseorang hadir ke Mahkamah sebagai saksi pakar, dia boleh dibenarkan suatu bayaran untuk kehadiran ke Mahkamah sebagaimana yang ditetapkan oleh Aturan yang dibuat di bawah bab 236, dan sebagai tambahan, suatu bayaran kerana layak memberikan keterangan sebagai pakar sedemikian.

Elaun sara hidup, perjalanan dan penginapan.

217. Sebagai tambahan kepada apa-apa elaun yang kena dibayar di bawah bab-bab 215 dan 216, suatu pihak atau saksi boleh dibenarkan apa-apa perbelanjaan sara hidup, perjalanan dan penginapan yang munasabah berkenaan dengan kehadirannya di prosiding atau perbincaraan.

Kehadiran melebihi satu prosiding.

218. Jika seseorang saksi atau suatu pihak hadir di Mahkamah berkenaan dengan dua prosiding atau lebih, jumlah wang yang dibenarkan kepadanya di bawah bab-bab 215, 216 dan 217 berkenaan dengan sesuatu prosiding bolehlah diagihkan di antara beberapa prosiding itu.

Saksi hadir dan tidak memberi keterangan.

219. Elaun boleh dibayar kepada seseorang saksi sama ada dia dipanggil untuk memberi keterangan ataupun tidak, jika kehadirannya adalah perlu.

BAHAGIAN XXIII

PENGHINAAN MAHKAMAH

Notis tunjuk sebab.

220. (1) Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan atau prosiding terhadap mana-mana orang yang melakukan penghinaan Mahkamah dan dalam prosiding tersebut Mahkamah boleh membuat terhadap orang tersebut suatu perintah pengkomitan tidak melebihi 6 bulan atau boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(2) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam mana-mana kausa atau perkara atau atas usulnya sendiri, mengeluarkan suatu notis tunjuk sebab.

(3) Tiada permohonan untuk pengeluaran notis tunjuk sebab terhadap mana-mana orang boleh dibuat melainkan dengan kebenaran Mahkamah mengikut Bahagian ini.

(4) Suatu permohonan untuk kebenaran pengeluaran notis tunjuk sebab hendaklah disokong dengan affidavit yang menyatakan nama dan butir-butir orang yang terhadapnya notis tersebut hendak dikeluarkan dan alasan permohonan itu.

(5) Jika seseorang melakukan penghinaan dalam Mahkamah, tidaklah perlu disampaikan notis tunjuk sebab kepada orang itu, tetapi Mahkamah hendaklah memastikan bahawa orang itu faham akan perihal kesalahan yang dikatakan dilakukan olehnya dan dia diberi peluang untuk membela diri, dan Mahkamah hendaklah membuat catatan prosiding itu.

(6) Kecuali dalam keadaan di dalam cerai (5) dalam semua hal penghinaan Mahkamah, notis tunjuk sebab mengapa tindakan atau prosiding tidak boleh diambil hendaklah disampaikan kepada orang yang dikatakan melakukan penghinaan tersebut.

(7) Perintah pengkomitan hendaklah dalam Borang MS 55.

Penghinaan oleh pertubuhan perbadanan.

221. Jika penghinaan Mahkamah dilakukan oleh sebuah pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa penghinaan itu dilakukan, adalah pengarah, pengurus atau setiausaha perbadanan itu atau lain-lain pegawai yang seumpamanya yang bertanggungjawab atas pengurusan perbadanan itu adalah dianggap bersalah atas penghinaan itu melainkan dia membuktikan bahawa —

(a) penghinaan itu telah dilakukan oleh perbadanan itu tanpa persetujuan atau pengetahuannya; atau

(b) dia telah melakukan segala daya usaha untuk mencegah berlakunya penghinaan itu sebagaimana yang patut dilakukannya dengan mengambil kira tugas atau sifat jawatannya dalam perbadanan itu dan kepada segala hal keadaan.

BAHAGIAN XXIV

PELBAGAI

Bahasa.

222. Apa-apa dokumen yang hendak digunakan hendaklah dalam bahasa Melayu dan dokumen dalam mana-mana bahasa lain, hendaklah disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu.

Borang.

223. Borang-borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah digunakan di mana-mana berkenaan dengan pengubahsuaian mengikut kehendak keadaan.

Salinan diperakui.

224. Atas permohonan dan selepas bayaran dibayar, Pendaftar boleh membekalkan apa-apa salinan dokumen diperakui dan dengan izin Mahkamah apa-apa nota keterangan kepada pemohon.

Bayaran deposit dan perbelanjaan.

225. Apabila apa-apa bayaran atau deposit kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perbuatan, atau apa-apa perbelanjaan adalah perlu untuk melakukan sesuatu tindakan, pegawai yang dipertanggungjawab untuk melakukan tindakan itu tidaklah dikehendaki melakukannya sehingga bayaran, deposit atau jumlah perbelanjaan itu telah dibayar.

Larangan ke atas pegawai Mahkamah.

226. Tiada pegawai Mahkamah boleh menjadi penjamin atau mengambil bahagian atau menjadi pembeli secara langsung atau tidak langsung di mana-mana penjualan oleh Mahkamah.

Memberi jaminan.

227. (1) Jaminan hendaklah diberi dengan menandatangani wang atau melalui bon yang jumlahnya hendaklah ditentukan oleh Hakim atau Pendaftar.

(2) Perbelanjaan mengenai jaminan, jika ada, hendaklah ditanggung oleh orang yang memberi jaminan itu.

(3) Jika jaminan diberi dengan menandatangani wang, wang itu tidak boleh dibayar keluar tanpa perintah Mahkamah.

(4) Jika jaminan diberi melalui bon, seorang penjamin adalah diperlukan melainkan Mahkamah memerintahkan selainnya.

Kumpulan wang dan harta lain yang tidak dituntut.

228. Kumpulan wang dan harta di dalam Mahkamah dan semua barang kemas, sekuriti dan harta alih selain daripada wang, suratikatan atau dokumen yang tidak dituntut selepas 10 tahun hendaklah disifatkan sebagai harta *Baitulmal* dan hendaklah seterusnya diserahkan kepada *Baitulmal*:

Dengan syarat bahawa Mahkamah atas permohonan mana-mana orang dan jika ia berpuas hati bahawa orang itu berhak kepada wang atau harta itu memerintahkan *Baitulmal* membayar wang atau memulangkan harta itu atau nilai harta itu kepada orang itu.

Melanjutkan atau memendekkan masa.

229. (1) Mahkamah boleh melanjutkan atau memendekkan tempoh masa yang ditetapkan bagi melakukan sesuatu perbuatan, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, bagi mana-mana orang yang dikehendaki atau dibenarkan di bawah Perintah ini, atau di bawah apa-apa penghakiman, perintah atau arahan Mahkamah untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.

(2) Mahkamah boleh melanjutkan tempoh masa yang ditetapkan dalam cerai (1) walaupun tempoh masa asal yang ditetapkan itu telah tamat.

Perintah untuk hadir sendiri.

230. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Mahkamah boleh atas sebab-sebab yang mencukupi memerintahkan mana-mana pihak kepada mana-mana prosiding hadir sendiri pada bila-bila masa, melainkan pihak itu berada di luar Negara Brunei Darussalam, dan kegagalan mematuhi perintah itu dengan sengkaja adalah suatu penghinaan Mahkamah.

Penyampaian oleh Mahkamah lain.

231. Mana-mana proses atau dokumen yang dikehendaki disampaikan oleh seorang pegawai Mahkamah kepada suatu pihak boleh disampaikan oleh mana-mana Mahkamah lain.

Mengambil keterangan sebelum perbicaraan.

232. (1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa keterangan mana-mana pihak atau saksi patut diambil sebelum tarikh perbicaraan, Mahkamah atau mana-mana Hakim boleh mengarahkan Mahkamah lain atau mana-mana Hakim mengambil keterangan mana-mana pihak atau saksi, dan keterangan yang diambil sedemikian boleh digunakan dalam perbicaraan.

(2) Notis bahawa keterangan akan diambil di bawah cerai (1) hendaklah disampaikan kepada pihak yang satu lagi tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh pengambilan keterangan itu dan pihak yang satu lagi itu boleh mengambil bahagian dalam prosiding itu.

Catatan keterangan oleh Mahkamah lain atas permintaan bertulis.

233. (1) Tertakluk kepada cerai (2) Hakim boleh, di dalam suatu prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah lain, mengambil keterangan mana-mana pihak, saksi atau orang lain dan menerima apa-apa dokumen yang dikemukakan dalam prosiding itu.

(2) Kuasa Hakim di bawah cerai (1) hendaklah dijalankan jika terdapat suatu permintaan bertulis daripada Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu belum selesai.

(3) Dengan tidak menghiraukan peruntukan yang berlawanan, Mahkamah yang di hadapannya prosiding itu belum selesai boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, meminta Mahkamah lain untuk mengambil keterangan daripada mana-mana pihak atau saksi dalam prosiding itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa pihak atau saksi itu tidak dapat hadir di Mahkamah kerana sebab-sebab yang munasabah atau jika

kehadiran pihak atau saksi itu akan menyebabkan pihak yang memanggil saksi itu menanggung kos perbelanjaan yang berlebihan.

Kuasa sedia ada Mahkamah.

234. Tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh disifatkan menghadkan atau menjejaskan kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk memastikan tidak berlaku ketidakadilan atau penyalahgunaan proses Mahkamah.

***Hukum Syara'* hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan.**

235. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syara'*, adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan.

(2) Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini, Mahkamah hendaklah mengikut *Hukum Syara'*.

Kuasa-kuasa membuat aturan-aturan dan merangka borang-borang.

236. (1) Ketua Hakim Syar'ie boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat Aturan-Aturan bagi menjalankan peruntukan Perintah ini dan khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, boleh membuat Aturan-Aturan mengenai —

(a) amalan dan prosedur Pendaftar Mahkamah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah;

(b) buku akaun, laporan dan lain-lain dokumen yang hendak digunakan mengenai apa-apa tindakan atau perkara yang dibuat atau menurut peruntukan Perintah ini;

(c) *sulh*;

(d) bayaran, elaun dan kos yang diperuntukkan di bawah Perintah ini; dan

(e) perjalanan Mahkamah, bentuk dan aturan melaksanakan apa-apa suratcara dan perlantikan pegawai atau wakil Mahkamah.

(2) Ketua Hakim Syar'ie boleh dari masa ke semasa —

(a) merangka borang bagi setiap prosiding di dalam Mahkamah yang difikirkannya perlu; dan

(b) meminda Jadual-Jadual Kedua dan Ketiga di dalam Perintah ini.

Pengenaan sementara ke atas kes-kes yang belum diputuskan.

237. Bagi menyelesaikan kes-kes dan perkara-perkara yang belum diputuskan di hadapan mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77) pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, peruntukan-peruntukan prosedur di bawah Perintah ini boleh dikenakan setakat mana ia tidak akan menyebabkan ketidakadilan.

Pindaan kepada Penggal 77.

238. Bab 80 hingga bab 96 dari Bahagian III Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, (Penggal 77) adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

(bab 2(3))

Baitulmal	----	بيت المال
Da'in	----	دائن
Hadhanah	----	حضانة
Hakim Syar'ie	----	حاكم شرعي
Hukum Syara'	----	حكم شرع
Lafaz	----	لفظ
Madin	----	مدین
Mastautin	----	مستوطن
Mazhab	----	مذهب
Mukim	----	مقيم
Qamariah	----	قمريّة
Sulh	----	صلح
Wakalah	----	وكالة
Yamin	----	يمين
Yamin Mardudah	----	يمين مردودة
Yamin Istizhar	----	يمين استظهار

JADUAL KEDUA

(bab-bab 2(1)
dan 223)

BORANG-BORANG

BORANG MS 1

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

TAJUK AM

bab 7

DALAM MAHKAMAH RENDAH / TINGGI SYARIAH DI
DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

(1) No Tahun 14..... H / 20..... M.

ANTARA

(2) Plaintif
Pemohon

DAN

(3) Defendan
Responden

Nota —

1. Jenis prosiding (misalnya saman, permohonan, dan sebagainya).
2. Nama, jika tidak berkeupayaan atau atas sifat wakilannya.

Contoh —

- (a) A.B. pentadbiran bagi C.D. si mati.
- (b) A.B. seorang belum dewasa, oleh C.D. penjaganya yang sah.

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

SAMAN

[Tajuk Am]

Kepada

(defendan yang dinamakan di atas) beralamat di

.....

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui

Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Syariah di

..... pada hari pada haribulan

14 H / haribulan 20..... M pada pukul

..... pagi / petang untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh
plaintif yang dinamakan di atas, butir-butir tuntutan itu seperti dinyatakan dalam
pernyataan tuntutan yang diendorskan di sini.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan
masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan
tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada plaintif suatu pembelaan di dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh pada haribulan 14 H.

..... haribulan 20 M.

(METERAI)

.....
Plaintif / Peguam Syar'ie

.....
Hakim / Pendaftar

PERNYATAAN TUNTUTAN

(Nyatakan dalam perenggan bernombor)

Kepada
defendan yang dinamakan di atas yang tinggal di alamat
.....
.....

Bertarikh pada haribulan 14 H.
..... haribulan 20 M.

.....
Plaintif / Peguam Syar'ie

Saman dan pernyataan tuntutan ini difailkan oleh plaintif / Peguam Syar'ie yang
alamat penyampaiannya di
.....
.....

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

PERMOHONAN

[Tajuk Am]

Kepada
sila ambil perhatian bahawa
pemohon yang dinamakan di atas akan memohon kepada Hakim dalam Kamar di
Mahkamah Syariah di pada hari
..... pada haribulan 14 H /
haribulan 20..... M pukul pagi / petang untuk
mendapatkan perintah bahawa —

1.
2.
3.

atas alasan yang dinyatakan dalam afidavit yang dilampirkan.

(METERAI)

.....
Pemohon / Peguam Syar'ie

.....
Hakim / Pendaftar

Nota —

Nyatakan perintah yang dipohonkan dengan tepat. Perkara-perkara berlainan yang timbul di dalam prosiding yang sama bolehlah diuruskan di dalam permohonan yang sama.

Permohonan ini difailkan oleh pemohon / Peguam Syar'ie yang alamat penyampaiannya di

.....

BORANG MS 4

(bab 32(2))

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

**PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK
MENUNTUT / MEMBELA SEBAGAI ORANG MISKIN**

[Tajuk Am]

Saya

Dengan ini mengaku dan menyatakan —

1. Saya tinggal di
dan adalah seorang *(nyatakan pekerjaan (jika ada))*
- *2. Saya mempunyai tuntutan terhadap
beralamat di
(nyatakan secara ringkas tuntutan dan kausa tindakan dan segala fakta material mengenai kes itu)
- *3. Tuntutan telah dibuat terhadap saya oleh
..... beralamat di
untuk
(nyatakan secara ringkas tuntutan)
4. Saya berhasrat untuk memulakan tindakan / membela tetapi tidak berupaya membayar bayaran Mahkamah kerana
.....
(nyatakan sebab kenapa tidak berupaya membayar bayaran Mahkamah)
5. Saya memohon kebenaran untuk menuntut / membela sebagai orang miskin.
Disahkan di

Pada haribulan 14 H.

..... haribulan 20 M.

.....
(Tandatangan Pemohon)

Di hadapan saya,

Perintah,

Kebenaran untuk *menuntut / membela sebagai orang miskin *diberi / ditolak.

Bertarikh pada haribulan 14 H.

..... haribulan 20 M.

.....
Hakim

BORANG MS 5

(bab 35(2))

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

WAKALAH PERLANTIKAN PEGUAM SYAR'IE

[Tajuk Am]

Bahawasanya saya (plaintif / defendan)
 no. kad pengenalan beralamat di
 dengan ini melantik
 dari Tetuan untuk
 mewakili saya dalam kes ini dan menghadiri Mahkamah dalam perbicaraan
 mengenainya.

Bertarikh pada haribulan 14 H.
 haribulan 20 M.

.....
Plaintif / Defendan

Saya dengan ini menerima *wakalah* tersebut di atas.

